


LAPORAN TAHUNAN 2015

Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat







LAPORAN TAHUNAN 20

Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

15



Visi

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.



Misi

Mengintegrasikan perspektif wanita dan masyarakat ke dalam arus perdana pembangunan negara serta memperkukuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.



Matlamat

Membentuk masyarakat yang sejahtera melalui perkongsian tanggungjawab yang strategik dan penyampaian perkhidmatan pembangunan sosial yang cekap dan berkesan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
No 55, Persiaran Perdana Presint 4, 62100 Putrajaya. MALAYSIA.

www.kpwkm.gov.my | info@kpwkm.gov.my
twitter.com/kpwkm | www.facebook.com/kpwkm

All rights reserved. No part of this annual report may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording or by any information retrieval system, without the permission in writing from the copyright owner.



Objektif

- Meningkatkan penyertaan dan peranan aktif wanita, keluarga dan masyarakat sebagai penyumbang dan penerima faedah pembangunan negara.
- Memelihara hak-hak kepentingan wanita, keluarga dan masyarakat dengan adil dan saksama tanpa unsur diskriminasi.
- Memperluaskan peluang yang saksama kepada wanita dan masyarakat dalam bidang sosial, ekonomi dan politik
- Memantapkan institusi keluarga.
- Mempastikan sistem penyampaian dan sokongan yang cekap dan berkesan.



Piagam Pelanggan

Jenis Perkhidmatan

Piawai Kualiti Perkhidmatan

Masa Menunggu Untuk Mendapatkan Perkhidmatan Di Kaunter

- Kami akan melayan anda dalam masa **LIMA BELAS (15)** minit anda tiba di kaunter perkhidmatan kami.

Pengurusan Aduan/Pertanyaan

- Kami akan mengakui penerimaan aduan/pertanyaan anda dalam tempoh **SATU (1)** hari bekerja;
- Kami akan memberi maklumbalas terhadap aduan/pertanyaan anda dalam tempoh **selewat-lewatnya TIGA (3)** hari bekerja. Bagi aduan yang memerlukan siasatan terperinci, maklumbalas diberikan selewat-lewatnya dalam tempoh **LIMA BELAS (15)** hari bekerja.

Bayaran Pembekal

- Kami akan memproses bayaran anda (setelah dokumen lengkap) dalam tempoh **EMPAT BELAS (14)** hari bekerja.

Pendaftar Kaunselor

- Kami akan memproses pendaftaran anda (semua dokumen lengkap) dalam tempoh **TIGA PULUH (30)** hari bekerja.



Kandungan

Laporan Tahunan 2015

Kementerian Pembangunan
Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Carta Organisasi
Pengurusan Tertinggi

Perutusan Menteri

Sekapur Sireh

Seulas Pinang

Ketua Setiausaha,
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Laporan Tahunan 2015

- 17 Bahagian Dasar Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat
- 37 Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara
- 51 Bahagian Kewangan
- 55 Bahagian Hubungan Antarabangsa
- 83 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
- 93 Bahagian Khidmat Pengurusan
- 105 Bahagian Pembangunan
- 109 Bahagian Pengurusan Maklumat
- 119 Bahagian Akaun
- 127 Unit Penasihat Undang-undang
- 129 Unit National Key Result Area
- 141 Unit Audit Dalam
- 149 Unit Komunikasi Korporat
- 161 Urusetia Lembaga Kaunselor
- 175 Unit Integriti

Jabatan / Agensi di Bawah KPWKM


- 183 Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)
- 193 Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)
- 203 Lembaga Penduduk dan Pembangunan
Keluarga Negara (LPPKN)
- 213 Institut Sosial Malaysia (ISM)
- 231 Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-Negara
Berkecuali NAM (NIEW)
- 241 Yayasan Kebajikan Negara




Carta Organisasi 2015

Timbalan Menteri

YB Datuk Hajah Azidah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun





- **Jabatan / Agensi**
- **Badan Berkanun**
- **Bahagian / Unit Bertaraf Bahagian**
- **Cawangan**
- **Seksyen / Unit**



“Antara momen indah KPWKM pada tahun 2015 adalah penglibatan dalam penganjuran mesyuarat ASEAN sempena Malaysia menjadi negara hos dan pelantikan saya sebagai Presiden MOST di UNESCO selama 2 tahun yang semestinya meletakkan Malaysia amnya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara khususnya, di peta antarabangsa”.

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

YB Menteri

Assalamualaikum ورحمةالله وبركاته,
Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana telah berjaya menerbitkan buku Laporan Tahunan 2015. Buku ini merupakan medium bagi Kementerian dan agensi memaparkan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2015.

Tahun 2015 telah melakar pelbagai

kejayaan dan sejarah buat warga Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Antara kenangan indah pada tahun 2015 adalah penglibatan besar Kementerian ini dalam penganjuran mesyuarat ASEAN sempena Malaysia menjadi negara hos bagi tahun 2015. Selain itu, antara kejayaan yang boleh dibanggakan ialah pelantikan saya sebagai Presiden MOST di UNESCO

selama 2 tahun yang semestinya meletakkan Malaysia amnya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara khususnya, di 'peta' antarabangsa. Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan kepada keupayaan dan kredibiliti rakyat Malaysia terutamanya golongan wanita kerana ini merupakan kali pertama Malaysia memegang jawatan Presiden MOST.

Tahun 2015 juga melihatkan beberapa sejarah baru tercipta seperti



penjenamaan semula Kementerian dengan memperkenalkan logo baharu, penubuhan Majlis Penasihat dan Perundingan Wanita, sambutan Hari Datuk dan Nenek serta bacaan pertama Rang Undang-Undang (Pindaan) Akta Kanak-Kanak 2015 di Parlimen. Beberapa buah pelan tindakan juga telah diwujudkan demi memperkasa kumpulan sasaran iaitu Pelan Tindakan Pemerkasaan Ibu Tunggal dan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak di Alam Siber. Dalam kita mengesap segala keindahan dan kejayaan tahun

2015, tragedi yang menimpa negara dan kumpulan sasaran kita juga perlu kita ingati, khususnya sebagai pengajaran buat semua. Antara yang sehingga kini menyentuh perasaan kita ialah pemergian adik Firdaus, seorang kanak-kanak OKU yang diselamatkan daripada pengabaian ibu bapanya. Pengajaran yang boleh dipelajari daripada tragedi ini ialah kita perlu tingkatkan usaha memperjuangkan setiap kumpulan sasaran kita dengan mengambil segala tindakan yang perlu demi memastikan kebajikan mereka terpelihara.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan laporan tahunan ini. Saya berharap agar KPWKM akan terus cemerlang di masa akan datang dalam memperjuangkan kebajikan dan kesejahteraan kumpulan sasaran dan rakyat secara amnya. Selamat Maju Jaya

YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat



“Kita perlu sentiasa bersikap positif dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Dengan peningkatan tahap kompetensi dalam tugas, saya yakin kita akan berupaya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan sasaran dan juga pemegang taruh (stakeholders)”.

YBhg. Dato' Sabariah Hassan
Ketua Setiausaha

Ketua Setiausaha

Assalamualaikum ﷻ wa rahmatullahi wa barakatuh ﷻ,
Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Syukur Alhamdulillah, dengan izin Allah S.W.T, Laporan Tahunan 2015 berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Kementerian ini yang telah menyumbang idea, tenaga serta memberikan komitmen yang berterusan dalam penghasilan buku Laporan Tahunan ini.

Penerbitan Laporan Tahunan ini merupakan naskah komprehensif yang merakamkan aktiviti Kementerian dan agensi sepanjang tahun 2015. Laporan ini boleh dijadikan bahan rujukan terhadap pelbagai isu yang melibatkan wanita, keluarga dan masyarakat dalam menterjemahkan usaha Kementerian bagi memperkasa penyertaan wanita ke dalam arus perdana pembangunan Negara serta

memperkuhkan institusi keluarga ke arah peningkatan kesejahteraan sosial.

Usaha ke arah meningkatkan mutu perkhidmatan bermula dengan penerapan sikap dan nilai yang positif dalam minda seseorang individu. Kita perlu sentiasa bersikap positif dalam melaksanakan tugas-tugas yang telah diamanahkan. Saya berharap agar tanggungjawab yang berat ini tidak dilihat sebagai bebanan kerja, tetapi sebagai peluang dan



juga cabaran baru untuk mengasah kemahiran dan kepakaran kita dalam menyempurnakan tugas-tugas di Kementerian. Dengan peningkatan tahap kompetensi dalam tugas, saya yakin kita akan berupaya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada golongan sasaran dan juga pemegang taruh (*stakeholders*).

Akhir kata, saya berharap agar Laporan Tahunan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelbagai pihak termasuk korporat,

swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan para pelajar untuk mendapatkan informasi mengenai aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Kementerian dan agensi sepanjang tahun 2015.

YBhg. Dato' Sabariah Hassan

Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

Profil

Pengurusan Tertinggi KPWKM



YBhg. Dato' Sabariah Hassan
Ketua Setiausaha



YBhg. Dato' Norsham Rahin
Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi)
Sehingga 5 Jun 2015



YBrs. En. Wee Beng Ee
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)
Sehingga 5 Jun 2015



Jabatan Kebajikan Masyarakat
YBhg. Dato' Noraini Mohd Hashim
Ketua Pengarah
Sehingga 30 Mac 2015



Jabatan Pembangunan Wanita
YBhg. Dato' Munirah binti Abdullah Bajanuddin
Ketua Pengarah



Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
YBhg. Dato' Dr. Siti Norlaysia binti Ismail
Ketua Pengarah



Institut Sosial Malaysia
YBrs. Dr. Haji Al-Azmi Bakar
Pengarah



Institut Pengupayaan Wanita Bagi Negara-negara Berkecuali (NAM)
Puan Normalia Binti Ibrahim
Pengarah



Yayasan Kebajikan Masyarakat
YBhg. Dato' Rafek Reshidullah
Ketua Pegawai Eksekutif



**Bahagian Dasar
Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**

**YBrs. Dr. Waitchalla
a/p R.R.V. Suppiah**
Setiausaha Bahagian



**Bahagian Hubungan
Antarabangsa**

YBhg. Datin Norazah Omar
Setiausaha Bahagian



**Bahagian Pengurusan
Sumber Manusia**

YM Tengku Adnin bin Tengku Adnan
Setiausaha Bahagian



Bahagian Akaun

Encik Mohd. Redzuan Hassan
Setiausaha Bahagian
Sehingga 15 Oktober 2015



**Bahagian Pelaksanaan
Dasar Sosial Negara**

Encik Che Samsuzuki Che Noh
Setiausaha Bahagian
Sehingga 15 Ogos 2015



**Bahagian Khidmat
Pengurusan**

Encik Yusri Ismail
Setiausaha Bahagian
Sehingga Disember 2015



Bahagian Kewangan

Encik Ahmad Firdaus Baharuddin
Setiausaha Bahagian



Unit Audit Dalam

Encik Ismail Jawahri
Ketua Unit



**Bahagian
Pengurusan Maklumat**

Encik Fauzi Elham
Pengurus Bahagian



Bahagian Pembangunan

Puan Raha binti Mohd Hafdzi
Setiausaha Bahagian
Sehingga April 2015



**Urusetia Lembaga
Kaunselor**

Encik Juhari bin Jani
Ketua Unit



**Unit Penasihat
Undang-undang**

Puan Zahida binti Zakaria
Peguam Kanan Persekutuan



Unit Integriti

**Puan Intan Shahrina
binti Zainal Abidin**
Ketua Unit



**Unit National
Key Result Area**

**Encik Mohammad Faizal
Abdul Rahim**
Penolong Pegawai NKRA



**Pegawai Key
Performance Indicator**

Encik Muhammad Firdaus Azizan
Pegawai Key Performance Indicator



Unit Komunikasi Korporat

Encik Kamarul Farid Kamaruddin
Ketua Unit
Sehingga 1 Julai 2015




Anugerah dan Pencapaian Tertinggi KPWKM 2015

KPWKM Bersinar di Arena Antarabangsa

Pelantikan YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebagai Presiden Management of Social Transformation (MOST) di UNESCO selama 2 tahun yang semestinya meletakkan Malaysia amnya dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat secara khususnya, di peta antarabangsa.

Pelantikan ini merupakan satu pengiktirafan kepada keupayaan dan kredibiliti rakyat Malaysia terutamanya golongan wanita kerana ini merupakan kali pertama Malaysia memegang jawatan Presiden MOST. Malaysia perlu dan akan memainkan peranan aktif dalam MOST selaras dengan kepercayaan yang telah diberi oleh masyarakat dunia kepada kita.



Inovasi Jabatan Kebajikan Masyarakat

Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mendapat Pingat Emas dan Pingat Gangsa sempena 43rd International Exhibition of Inventions of Geneva pada 15 hingga 19 April 2015.

Pingat Emas

TOMEKER (Tongkat, Meja, Kerusi)

TOMEKER merupakan tongkat pelbagai guna yang boleh dijadikan seperti meja ataupun kerusi
Kegunaan: Membantu warga emas atau OKU dalam menjalankan aktiviti Harian.

Pingat Gangsa

MOPAR (Mobile Partition)

MOPAR merupakan pemisah (partition) mudah alih yang direka untuk kegunaan dipusat pemindahan semasa berlakunya bencana seperti banjir, kebakaran, dan gempa bumi.



PELANTIKAN YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM



**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT SEBAGAI PRESIDENT OF UNESCO'S
INTERGOVERNMENTAL COUNCIL OF THE MANAGEMENT
OF SOCIAL TRANSFORMATIONS PROGRAMME (MOST IGC)**

1

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah dilantik sebagai Presiden Majlis Antara Kerajaan bagi Pengurusan Transformasi Sosial (MOST IGC) UNESCO di Paris, Perancis

pada **14 November 2016.**



YB Dato' Sri Rohani mengambil alih jawatan itu daripada Menteri Pembangunan Sosial Argentina, Dr. Alice Kirchner dan beliau akan menerajui kepimpinan MOST IGC bagi tempoh **2015-2017**

2

MOST yang dilancarkan pada **1994**, satu-satunya program UNESCO yang menggalakkan penyelidikan sains global yang akan diguna oleh pembuat dasar di peringkat global yang terdiri daripada 35 negara anggota UNESCO termasuk China, Turki, Brazil, Kanada dan Indonesia.



3

MOST mempunyai peranan berharga dan tersendiri dalam penyelidikan bidang sains sosial dan kemanusiaan, yang bertindak sebagai pemudah cara bagi kerjasama dan pengemblengan kapasiti, forum perdebatan dan rujukan bagi dasar berorientasikan pertimbangan.

4



Mesyuarat Pertama MOST

Laporan Prestasi 2015

**Bahagian
Dasar
Pembangunan
Wanita, Keluarga
dan Masyarakat**

Bahagian Dasar, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Senarai Program Yang Telah Dianjurkan Oleh Bahagian Dasar, KPWKM (Januari - Disember 2015)

Nama Program (Bengkel / Taklimat / Seminar / Lain-Lain)	Tempat
Seminar On Diversion Model : Experience From England and Wales	Perpustakaan KPWKM, Aras 3
Working Session : Designing A Diversion Model For Malaysia	Perpustakaan KPWKM, Aras 3
Regional Conference On Child Online Protection 2015 : Towards An Integrated Systems Approach	Marriott Hotel, Putrajaya
Sesi Konsultasi Rang Undang-undang Kanak-kanak 2015	Auditorium Aras 7, KPWKM
Sesi Konsultasi Rang Undang-undang Kanak-kanak 2015	Galeri Perpustakaan Aras 3 KPWKM
Sesi Konsultasi Rang Undang-undang Kanak-kanak 2015	Dewan Perdana Nur
Sesi Konsultasi Pemurnian Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2015 - 2022	Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi
Lawatan Benchmarking Taska ke Singapura	Singapura
Taklimat Pelan Strategik 2013 - 2017 KPWKM	Dewan Perdana Nur, KPWKM
Pelancaran Buku Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga	Dewan Auditorium Cempaka Sari, Perpadanan Putrajaya
Program Pelan Tindakan Pemeraksanaan Ibu Tunggal 2015 - 2020	Dewan Perdana Nur, KPWKM
10th Asia Pacific Conference On Child Abuse and Neglect (APCCAN) 2015	Royal Raja Chulan Hotel, Kuala Lumpur
Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya	Hotel Everly, Putrajaya

Regional Consultation 2015 – 7th Regional Consultation Of Child Helplines In Asia Pacific

Dorsett Regency, Kuala Lumpur

Sesi Konsultasi Multi Stakeholders Meeting Pengendali Kes Keganasan Rumah Tangga

Hotel Crystal Crown, PJ

Bacaan Kali Pertama Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 di Dewan Rakyat

Dewan Rakyat, PARLIMEN

Conference On Deinstitutionalisation of Children : Overcoming Challenges and Tribulations

Pullman Hotel Bangsar Kuala Lumpur

Penambahbaikan Pelaksanaan Flexible Working Arrangement (FWA) Fasa 2

Task Force Ramping Up The ECCE Industry

Beberapa lokasi



SEMINAR ON DIVERSION MODEL : EXPERIENCE FROM ENGLAND AND WALES

KPWKM telah menganjurkan beberapa siri seminar/bengkel dan mesyuarat dengan Kementerian/agensi berkaitan serta bekerjasama rapat dengan UNICEF dalam merangka dan membangunkan model pelaksanaan *Diversion* (pengalihan kanak-kanak yang melakukan jenayah daripada sistem kehakiman).

Melalui bengkel ini, KPWKM bersama-

sama Kementerian/agensi berkaitan telah merangka satu draf model pelaksanaan *Diversion* di Malaysia. Penyediaan draf model tersebut telah mengambil kira model-model *Diversion* di negara Afrika Selatan, New Zealand, Thailand, Queensland dan England & Wales.





13 Februari 2015



WORKING SESSION : DESIGNING A DIVERSION MODEL FOR MALAYSIA

Working session ini merupakan susulan daripada Bengkel Diversion: England & Wales yang telah diadakan pada 12 Februari 2015.


Sesi ini diadakan dengan penglibatan seramai 30 orang wakil dari kementerian, agensi, ahli akademik dan NGO berkaitan antaranya

seperti Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Peguam Negara, Mahkamah Persekutuan, Polis Diraja Malaysia dan Voice of Children.

Pembentangan turut dilakukan oleh Ms. Shelley Casey, Child Protection

Specialist dari Australia yang merupakan pakar dalam isu Juvenile Justice. Hasil daripada sesi ini, satu draf model Diversion telah dihasilkan dan seterusnya akan dimuktamadkan untuk dilaksanakan dalam projek rintis yang akan dikenal pasti lokasinya kelak.





➤ **REGIONAL CONFERENCE ON CHILD ONLINE PROTECTION 2015 : TOWARDS AN INTEGRATED SYSTEMS APPROACH**

Regional Conference on Child Online Protection (RCCOP) 2015 telah diadakan pada 24-25 Mac 2015 di Hotel Marriot Putrajaya dengan penyertaan seramai lebih kurang 200 orang dari pelbagai kementerian, agensi, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), syarikat swasta, ahli akademik, kanak-kanak dan individu perseorangan. Persidangan ini telah dianjurkan dengan kerjasama United Nations Children's Fund (UNICEF)



Malaysia dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC).

Persidangan ini bertujuan untuk menghimpunkan agensi-agensi utama yang memainkan peranan dalam menyediakan persekitaran digital yang selamat untuk kanak-kanak seperti agensi dalam industri ICT, kementerian dan jabatan Kerajaan, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan sektor swasta di Malaysia serta rantau ASEAN.







➤ SESI KONSULTASI RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2015

Seramai 86 peserta telah menghadiri Sesi Konsultasi Rang Undang-Undang Kanak-Kanak 2015 (RUUKK). Para peserta terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian dan Jabatan Kerajaan, UNICEF, ahli akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), firma guaman dan wakil media.



➤ SESI KONSULTASI RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2015

Seramai 28 orang kanak-kanak telah menghadiri Sesi Konsultasi Rang Undang-Undang Kanak-Kanak 2015 (RUUKK) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Kanak-Kanak pada

24 April 2015. Kanak-kanak tersebut merupakan wakil Majlis Perwakilan Kebangsaan Kanak-Kanak (MPKK) dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor, Negeri Sembilan dan Johor serta para pelajar yang dicalonkan oleh sekolah-sekolah sekitar Wilayah

Persekutuan Putrajaya dan Cyberjaya. Sesi konsultasi ini juga telah dihadiri oleh pengiring kanak-kanak yang terdiri daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat Negeri dan guru-guru sekolah serta pegawai-pegawai KPWKM dan jabatan/agensi di bawahnya.





30 April 2015



➤ SESI KONSULTASI RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK 2015

Seramai 81 orang peserta telah menghadiri Sesi Konsultasi Rang Undang-Undang Kanak-Kanak 2015 (RUUKK) Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama stakeholder pada 30 April 2015. Para peserta terdiri

daripada pegawai-pegawai KPWKM dan jabatan/agensi di bawahnya, Kementerian dan jabatan Kerajaan,

UNICEF, ahli akademik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi semua kumpulan sasar KPWKM.




15 Jun 2015



➤ LAPORAN SESI KONSULTASI PEMURNIAN PELAN TINDAKAN ORANG KURANG UPAYA (OKU) YANG BAHARU (2015-2022)

Sesi konsultasi ini diadakan bertujuan untuk membincangkan maklum balas yang telah diterima daripada Kementerian/agensi Kerajaan yang merupakan agensi pelaksana bagi draf Pelan Tindakan OKU ini dan seterusnya memurni dan memuktamadkan draf tersebut.





➤ **LAWATAN
BENCHMARKING TASKA
KE SINGAPURA**

Lawatan ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai berhubung dasar serta amalan terbaik pengurusan TASKA yang diamalkan di Singapura, mengetahui dengan lebih mendalam mekanisme yang dilaksanakan oleh kerajaan Singapura dalam melaksanakan penubuhan TASKA, mengetahui dengan lebih mendalam peranan fungsi dan kekangan agensi-agensi yang melaksanakan pengurusan TASKA di Singapura dan mengetahui dengan lebih mendalam sistem pendidikan, mekanisme serta modul yang dilaksanakan di TASKA Singapura.





TAKLIMAT PELAN STRATEGIK KPWKM 2013 - 2017

Pada 18 Ogos 2015, satu taklimat mengenai pelan strategik KPWKM telah disampaikan kepada seluruh warga KPWKM di Dewan Perdana Nur KPWKM bersempena dengan Perhimpunan Bulanan Kementerian. Taklimat tersebut menerangkan kepada warga KPWKM mengenai hala tuju Kementerian

berdasarkan kepada Pelan Strategik KPWKM. Taklimat tersebut juga menerangkan isi kandungan pelan yang merangkumi 8 Teras Strategik. Objektif utama yang ingin dicapai adalah meningkatkan kefahaman dan pengetahuan warga KPWKM mengenai

kewujudan pelan strategik serta matlamat yang ingin dicapai oleh KPWKM dalam konteks pembangunan kumpulan sasar iaitu golongan wanita, kanak-kanak, warga emas, keluarga, orang kurang upaya, mangsa bencana, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan orang papa.





➤ **PELANCARAN BUKU
GARIS PANDUAN
PENGENDALIAN KES
KEGANASAN RUMAH
TANGGA**

Pada 1 Oktober 2015, Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga telah dilancarkan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim bersempena dengan pelancaran Kempen 90 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2015 di Dewan Auditorium Cempaka Sari, Perbadanan Putrajaya.

Garis Panduan Pengendalian Kes Rumah Tangga merupakan sebuah dokumen yang mengumpulkan maklumat dan prosedur mengenai

pengendalian kes keganasan rumah tangga. Buku garis panduan ini dibangunkan berdasarkan kepada Akta Keganasan RumahTangga 1994 (Akta 521) berserta pindaan 2012. Garis Panduan ini menerangkan kerjasama antara 9 agensi iaitu Mahkamah Persekutuan Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita serta Lembaga

Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara.

Garis panduan tersebut disediakan bagi membolehkan semua maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab serta prosedur yang digunakan oleh agensi terlibat didokumenkan sebagai sumber rujukan. Garis panduan ini juga bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tugas dan fungsi antara satu agensi dengan agensi lain yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga.





22 Oktober 2015



PROGRAM PELAN TINDAKAN PEMERKASAAN IBU TUNGGAL

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah merangka satu Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal merangkumi aspek pemerksaan dari segi ekonomi, sosial serta aspek penyelidikan dan penyelarasan.



Objektif

- Meningkatkan kesedaran dan komitmen pihak berkepentingan bagi memperksa ekonomi ibu tunggal.
- Meningkatkan kesejahteraan sosial ibu tunggal.
- Meningkatkan penyelidikan dan penyelarasan pembangunan bagi golongan ibu tunggal.




Memperksa Ekonomi Ibu Tunggal

- Meningkatkan keupayaan ibu tunggal untuk bekerja.
- Meningkatkan kemahiran dan pengetahuan ibu tunggal dalam bidang keusahawanan.
- Membantu ibu tunggal yang mempunyai kemahiran untuk membina perniagaan.

Penyelidikan dan Penyelarasan

- Meningkatkan penyelidikan dan pembangunan.
- Mewujudkan pangkalan data yang komprehensif.
- Mewujudkan Jawatankuasa Pemantauan Pelan Tindakan Pemerksaan Ibu Tunggal.



Meningkatkan Kesejahteraan Sosial Ibu tunggal

- Mewujudkan kesedaran ibu tunggal mengenai hak-hak mereka.
- Meningkatkan taraf pendidikan ibu tunggal.
- Meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu tunggal tentang kepentingan penjagaan kesihatan.





➤ **10th ASIA PACIFIC CONFERENCE ON CHILD ABUSE AND NEGLECT (APCCAN) 2015**

KPWKM dengan kerjasama International Society For The Prevention Of Child Abuse and Neglect (ISPCAN) telah menganjurkan The 10th Asia Pacific Conference On Child Abuse and Neglect (APCCAN) 2015 selama 5 hari di Hotel Royal Raja Chulan Hotel, Kuala Lumpur. Persidangan kali kesepuluh ini telah mengetengahkan isu-isu sosial terkini berkaitan kanak-kanak seperti perkahwinan kanak-kanak, eksploitasi seksual, keganasan terhadap kanak-kanak dan *positive parenting*.





04 November 2015

➤ SESI PEMURNIAN LAPORAN NEGARA: KONVENSYEN MENGENAI HAK ORANG KURANG UPAYA/ CONVENTION ON THE RIGHTS OF PERSONS WITH DISABILITIES

Malaysia telah meratifikasi Konvensyen Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (OKU) pada 19 Julai 2010. Selaku Negara pihak (state party), Malaysia bertanggungjawab untuk melaksanakan segala komitmen dan obligasi yang diperuntukkan di dalam Konvensyen tersebut bagi memastikan golongan OKU menikmati kesaksamaan hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Perkara ini penting bagi menggalakkan integrasi serta penyertaan penuh dan efektif OKU dalam masyarakat, seterusnya bersama-sama menyumbang kepada pembangunan negara.

Berdasarkan Artikel 35 Konvensyen Mengenai Hak OKU, Malaysia dikehendaki mengemukakan laporan negara kepada Committee on the Rights of Persons with Disabilities

dalam tempoh 2 tahun selepas tarikh kuatkuasa Konvensyen ke atas Malaysia iaitu pada bulan Julai 2012.

Dalam usaha pemurnian draf Laporan Negara ini, KPWKM telah mendapatkan input / statistik yang diperlukan daripada Kementerian / jabatan / agensi terlibat dari semasa ke semasa. Input / statistik yang diterima tersebut telah diintegrasikan ke dalam draf dan telah diteliti melalui satu mesyuarat penyelarasan pada 8 Oktober 2015.



Objektif

Objektif sesi pemurnian ini adalah seperti berikut:

- Mendapatkan komen daripada semua pihak yang berkenaan (berdasarkan bidang tugas masing-masing) dan membuat penambahbaikan ke atas draf Laporan Negara Konvensyen Mengenai Hak OKU; dan
- Memperkukuhkan hubungan dan rangkaian kerjasama antara semua agensi yang terlibat secara langsung dalam proses perancangan dan pembangunan untuk golongan OKU.





➤ **REGIONAL CONSULTATION 2015 - 7TH REGIONAL CONSULTATION OF CHILD HELPLINES IN ASIA PACIFIC**

Child Helpline International (CHI) ialah rangkaian global talian bantuan kanak-kanak. Sehingga Oktober 2014 rangkaian terdiri daripada 192 organisasi ahli di 145 negara. Tujuannya adalah untuk menyokong dan mengukuhkan

kerja murni daripada talian bantuan kanak-kanak di seluruh dunia.

Sejak penubuhannya pada tahun 2003, rangkaian talian bantuan kanak-kanak telah menerima lebih daripada 145 juta kenalan daripada kanak-kanak dan remaja yang memerlukan penjagaan dan perlindungan. CHI menyokong

penubuhan dan pengukuhan talian bantuan kanak-kanak bebas tol di seluruh dunia, dan menggunakan data yang dikumpul oleh talian bantuan kanak-kanak dan pengetahuan mereka untuk mengenal pasti jurang yang wujud dalam sistem perlindungan kanak-kanak, dan untuk menyokong hak kanak-kanak.



Objektif

Objektif Utama Perundingan Serantau adalah untuk:

- Mewujudkan ruang untuk berkongsi sumber, maklumat dan alat talian bantuan kanak-kanak yang sedia ada di rantau ini;
- Membincangkan trend serantau;
- Menyediakan bengkel dan sesi mengikut keperluan yang dinyatakan oleh ahli child helpline.





26 November 2015



SESI KONSULTASI “MULTI-STAKEHOLDERS MEETING” PENGENDALIAN KES KEGANASAN RUMAH TANGGA



Sesi Konsultasi “Multi-Stakeholders Meeting” mengenai Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga telah diadakan pada 26 November 2015, di Crystal Crown Hotel, Petaling Jaya Kuala Lumpur dengan kerjasama Pertubuhan Pertolongan Wanita (WAO). Sesi konsultasi tersebut telah dihadiri oleh 40 orang yang terdiri daripada agensi kerajaan. Selain itu, beberapa pihak dari Pertubuhan Bukan Kerajaan juga turut hadir termasuk Women Aid Organization (WAO) dan National Council of Women’s Organisations’ (NCWO).



Objektif

Objektif utama sesi konsultasi tersebut ialah untuk memperkasakan hubungan dan kerjasama berdasarkan prosedur pengendalian kes mengikut Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga yang telah disediakan dan dilancarkan pada 1 Oktober 2015. Garis Panduan Pengendalian Kes Rumah Tangga telah disediakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) kepada 9 buah agensi teknikal bersempena pelancaran Kempen 90 Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2015.

Garis panduan tersebut disediakan bagi membolehkan semua maklumat mengenai peranan, tanggungjawab dan prosedur yang digunakan oleh agensi terlibat didokumenkan sebagai sumber rujukan. Garis panduan ini juga bertujuan untuk mengelakkan pertindihan tugas dan fungsi antara satu agensi dengan agensi lain yang terlibat dalam pengendalian kes keganasan rumah tangga.





02 Disember 2015



➤ **BACAAN KALI PERTAMA RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK (PINDAAN) 2015 DI DEWAN RAKYAT**

Rang Undang-undang Kanak-kanak (Pindaan) 2015 telah dibentangkan untuk Bacaan Kali Pertama pada 2 Disember 2015 di Dewan Rakyat, Parlimen.





➤ CONFERENCE ON DEINSTITUTIONALISATION OF CHILDREN: OVERCOMING CHALLENGES AND TRIBULATIONS

Persidangan ini bertujuan bagi memupuk kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan untuk tidak menempatkan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan di institusi kebajikan tetapi ditempatkan di dalam sebuah keluarga.

Ini juga bermakna untuk menggalakkan masyarakat untuk mengambil kanak-kanak berkenaan sebagai anak angkat.

Hasil utama persidangan ini adalah untuk menyarankan kerajaan untuk bersungguh-sungguh memastikan setiap kanak-kanak yang memerlukan perlindungan ditempatkan di persekitaran kekeluargaan.

Seramai hampir 300 peserta telah hadir termasuk NGO antarabangsa yang turut berkongsi pengalaman di Negara masing-masing.




➤ PENAMBAHBAIKAN PELAKSANAAN FLEXIBLE WORKING ARRANGEMENT (FWA) FASA 3



Fleksible Working Arrangement (FWA) atau Aturan Bekerja Anjal merupakan salah satu konsep masa bekerja yang memberikan fleksibiliti kepada pekerja menentukan masa bekerja mereka sendiri. FWA merupakan inisiatif kepada warga KPWKM untuk membantu

mengimbangi kerjaya dan komitmen keluarga serta mengelakkan wanita berkerjaya berhenti kerja. Objektif pelaksanaan FWA di KPWKM adalah menyediakan persekitaran 'work-life balance' kepada pegawai / kakitangan KPWKM, meningkatkan kaedah pengurusan stress dalam kalangan pegawai dan kakitangan di rumah dan tempat kerja, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas oleh pegawai dan kakitangan secara outcome-based.

Pegawai dan kakitangan KPWKM boleh memilih salah satu daripada tiga kaedah iaitu samada:



TASK FORCE RAMPING UP THE ECCE INDUSTRY

Sepanjang Tahun 2015

Agensi	Cadangan / Isu
Kursus Asuhan PERMATA (KAP)	<ul style="list-style-type: none"> • Subsidi KAP kepada Pengasuh • Pengecualian graduan diploma/ijazah ECCE daripada KAP • Memasukkan Modul KAP dalam Kurikulum/ Mata pelajaran Sekolah Vokasional dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) • KAP: Kerjasama dengan Jabatan Latihan Khidmat Negara (JLKN) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) • Cadangan Model Keperluan Latihan kepada Pengusaha/Pengasuh TASKA • Laluan Kerjaya Bidang Pengasuhan • Cadangan Subsidi/Geran untuk Staf TASKA • Cadangan Bantuan Geran Khas untuk Kursus Asuhan PERMATA TASKA di Rumah (KAPTR) • Massive Open Online Courses (MOOC)
Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1984	<p>Peraturan-Peraturan TASKA 2012</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian Semula Nisbah Pengasuhan dan Nisbah Keselamatan antara Pengasuh dengan Kanak-Kanak yang Ideal • Latihan Kebakaran bagi TASKA di Bangunan Bertingkat • Keperluan KAP kepada Pengusaha/Pengasuh TASKA

<p>Kertas Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-70 : Isu-isu berkaitan Penubuhan TASKA</p>	<p>Isu yang dinyatakan adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kadar fi penubuhan TASKA yang tidak seragam; • Kadar fi profesional dan fi tambahan yang tinggi dan tidak seragam; • Kadar fi pendaftaran TASKA dan TADIKA yang tidak seragam; • Pembinaan TASKA di tapak khas; • Semakan syarat-syarat pertimbangan penubuhan TASKA di kawasan kediaman; dan • Penglibatan yang lebih proaktif kerajaan-kerajaan negeri khususnya Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Negeri dalam pembinaan TASKA baharu di seluruh Malaysia.
<p>Pihak Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA)</p>	<p>Pemaju Hartanah dan Perumahan dicadangkan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memasukkan status rumah teres lot tepi baharu sebagai sesuai untuk kegunaan TASKA • Menyediakan ruang TASKA di tempat/aras bawah kondominium termasuk bangunan komersil yang baharu
<p>Lembaga Arkitek Malaysia (LAM)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha TASKA terikat dengan pemilihan Arkitek Berdaftar yang disenaraikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi tujuan melukis pelan; dan • Bayaran upah melukis pelan TASKA yang dikenakan oleh Arkitek Berdaftar terhadap pengusaha TASKA adalah tidak konsisten terutama yang melibatkan perubahan pelan sedia ada.
<p>Perbadanan Putrajaya (PPj)</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan premis untuk menubuhkan TASKA • Kesukaran pengusaha menubuhkan TASKA di kawasan kediaman kerana tidak mendapat persetujuan jiran terdekat



Bahagian Pelaksanaan Dasar Sosial Negara

Bahagian Dasar Sosial Negara



Homestay
Banghuris
Sg Pelek,
Sepang.



13 Mei 2015



➤ LAWATAN KE HOMESTAY BANGHURIS SG PELEK, SEPANG



2



11 Jun 2015



➤ **BENKEL KONSULTATIF UNTUK MELAKSANAKAN PELAN TINDAKAN HASIL DARIPADA LAB KEHAMILAN REMAJA**



3



23-24
Mei 2015



➤ **NBOS OPEN DAY
(SEKRETARIAT KPWKM)**



4



15-16
Jun 2015



➤ **ROUND TABLE DISCUSSION (RTD) : PENGUKUHAN INSTITUSI KELUARGA MELALUI PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI (CEP)**



5



15 Ogos 2015



PPR Hiliran Ampang, Selangor

➤ KARNIVAL SOCIALCARE DI PPR HILIRAN AMPANG, SELANGOR



6



15-16
Jun 2016



Nouvelle Hotel,
Seri Kembangan, Selangor



➤ ROUND TABLE DISCUSSION (RTD) 2: MEMPERKUKUHKAN INSTITUSI KEKELUARGAAN MELALUI PROGRAM PEMERKASAAN KOMUNITI



Objektif

- Memuktamadkan pengisian aktiviti daripada pelbagai agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta sepanjang kajian rintis selama 6 bulan;
- Membuat perancangan strategik bagi melaksanakan pelan tindakan yang telah dipersetujui bersama secara bersepadu antara kementerian/agensi/swasta yang relevan dalam CEP; dan
- Menyerahkan pelaksanaan program CEP bagi mengukuhkan institusi keluarga ini secara rasmi kepada LPPKN dan Bahagian Dasar Sosial Negara akan memantau serta menilai keberkesanan program ini.



7



22 Ogos 2015



PPR Pantai Ria,
Kuala Lumpur



➤ TAUTAN KASIH@KOMUNITI



8



04 Ogos 2015



PPR Hiliran Ampang, Selangor



➤ **PROJEK MENGECAT RUMAH DAN MURAL DI PPR HILIRAN AMPANG**



9



16-17
Februari 2015



Dewan Perdana Nur
KPWKM, Putrajaya

➤ **BENKEL ISU
KESEJAHTERAAN LELAKI**



10



05 Disember 2015



Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC), Kedah



➤ NBOS JPA OUTREACH PROGRAM



11



30-15
Julai 2015



Bahagian Dasar Sosial
Negara, KPWK, Putrajaya

➤ PROJEK MAHABBAH@ RAMADHAN



Objektif

- Memperkembangkan pelaksanaan inovasi sosial di kalangan penjawat awam;
- Menyuburkan amalan memberi/menderma di kalangan warga KPWK.



12



29-01
Disember 2015



Allson Klana
Resort, Seremban,
Negeri Sembilan

MESYUARAT PERANCANGAN SKT 2016 SEKTOR STRATEGIK KPWKM



Objektif

- Menyelaras SKT 2016;
- Pembentangan penstrukturan sektor strategik.



13



28 November 2015



PPR
Pantai Ria



➤ PROJEK IKHLAS@KPWKM



Objektif

- Memperkembangkan pelaksanaan inovasi sosial di kalangan penjawat awam;
- Menyuburkan amalan memberi/menderma di kalangan warga KPWKM.






Bahagian Kewangan

Bahagian Kewangan

Pengurusan Bajet

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah menerima peruntukan asal sebanyak **RM2,044,623,000**, di bawah Perbelanjaan Mengurus pada awal tahun **2015**. Pecahan peruntukan KPWKM bagi tahun **2015** adalah seperti di Rajah 1:



Rajah 1: Pecahan peruntukan KPWKM Tahun 2015

PERUNTUKAN MENGURUS TAHUN 2015	
BAHAGIAN/JABATAN/AGENSI	JUMLAH (RM)
Pengurusan & Perancangan Dasar (KPWKM)	174,721,200
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	1,763,474,400
Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)	29,278,700
Institut Sosial Malaysia (ISM)	9,216,700
NAM Institute for The Empowerment of Women (NIEW)	3,226,100
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)	64,706,300
JUMLAH KESELURUHAN	2,044,623,400

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan KPWKM bagi tahun **2015** adalah berjumlah **RM2,044,623,400** atau **99.63%**. Lebihan peruntukan yang tidak habis dibelanjakan adalah antara lainnya disebabkan langkah perbelanjaan berhemat.


Sebanyak **95 perolehan** melalui sebut harga, **28 perolehan** melalui tender dan **14 perolehan** secara

rundingan terus telah diproses pada tahun **2015**.

eBidding merupakan satu modul tambahan di bawah Sistem ePerolehan yang memberi **pilihan** kepada Kementerian untuk mendapatkan bekalan/perkhidmatan dengan lebih cepat dan kos efektif daripada pembekal yang *eP-enabled*. Sehubungan itu, pada tahun **2015**, Kementerian telah

melaksana **3 perolehan** secara *eBidding*.

Selaras dengan inisiatif baru dalam perolehan Kerajaan, KPWKM telah memproses penyediaan Pesanan Kerajaan secara elektronik yang mana pada tahun **2015** sebanyak **5,617 Pesanan Tempatan** Kerajaan telah diproses melalui sistem ePerolehan.



Rajah 1: Pecahan Peruntukan KPWKM Tahun 2015


Pengurusan Bayaran dan Perakaunan

Bahagian Kewangan juga bertanggungjawab bagi memastikan semua bayaran bil dan tuntutan disempurnakan dalam tempoh 14 hari seperti mana yang ditetapkan dalam

Arahan Perbendaharaan 103 (a). Semua bayaran dan terimaan telah diperakaunkan dan diselenggara dengan teratur. Semua penyata penyesuaian bagi terimaan bayaran/amanah telah dibuat secara berkala mengikut jenis vot masing-masing.

Secara keseluruhan, prestasi pembayaran bil Kementerian pada tahun **2015** bagi tempoh tujuh (7) hari adalah **92.33%** iaitu sebanyak **5,162 bil**. Manakala prestasi bil dalam tempoh tujuh (7) hingga 14 hari adalah **7.66%** (**428 bil**) dengan satu (**1 bil**) dibayar melebihi 14 hari (**0.01%**). Pecahan pembayaran bil dalam tempoh tujuh (7) hari dan 14 hari bagi tahun **2015** adalah seperti di **Rajah 2** berikut:

Rajah 2 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan KPWKM Bagi Tahun 2015



Prestasi Pembayaran Bil Kementerian Bagi Tahun 2013

Pencapaian Audit Indeks Akauntabiliti

Bahagian Kewangan turut bertanggungjawab bagi penyelarasan Audit Indeks Akauntabiliti Tahunan bagi

Kementerian ini bagi perkara seperti berikut:

Pengurusan	Perolehan	
Bajet	Perbelanjaan	
Terimaan	Amanah dan Deposit	

Bagi tahun **2015**, Kementerian telah berjaya mencapai markah **93.11%** seterusnya meletakkan Kementerian di **kedudukan ke-12 daripada**

25 Kementerian dengan status pencapaian **lima (5) Bintang** seperti carta Laporan Ketua Audit Tahun **2015** berikut:

Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Kementerian Bagi Tempoh Tahun 2013 hingga 2015

KEMENTERIAN	2013		2014		2015	
	(%)	K	(%)	K	(%)	K
Wilayah Persekutuan	94.83	10/24	93.17	10/24	96.98	1/25
Jabatan Perdana Menteri	98.61	1/24	97.36	2/24	96.00	2/25
Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	95.42	8/24	92.35	14/24	95.97	3/25
Pendidikan Tinggi	=	=	=	=	95.83	4/25
Pertahanan	91.47	20/24	94.23	6/24	95.60	5/25
Sumber Manusia	96.99	3/24	93.42	9/24	95.37	6/25
Pengangkutan	91.54	19/24	88.59	22/24	95.21	7/25
Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	96.10	6/24	97.77	1/24	94.68	8/25
Kewangan	95.00	9/24	92.53	13/24	93.88	9/25
Sumber Asli Dan Alam Sekitar	92.31	17/24	96.95	3/24	93.85	10/25
Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan	96.26	5/24	94.53	5/24	93.11	11/25
Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	93.83	13/24	89.49	21/24	92.54	12/25
Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah	93.55	15/24	93.93	7/24	91.78	13/25
Kesihatan	91.42	21/24	90.03	20/24	91.78	14/25
Pelancongan Dan Kebudayaan	87.22	24/24	91.96	15/24	91.63	15/25
Pendidikan	94.27	12/24	92.74	11/24	90.40	16/25
Sains, Teknologi Dan Inovasi	97.05	2/24	92.63	12/24	89.62	17/25
Komunikasi Dan Multimedia	92.58	16/24	88.31	23/24	89.20	18/25
Dalam Negeri	96.36	4/24	91.45	16/24	87.39	19/25
Luar Negeri	94.49	11/24	86.91	24/24	87.05	20/25
Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air	95.49	7/24	91.36	17/24	85.03	21/25
Belia Dan Sukan	90.98	22/24	93.86	8/24	85.02	22/25
Pertanian Dan Industri Asas Tani	90.86	23/24	90.21	18/24	84.60	23/25
Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan	93.80	14/24	90.15	19/24	84.29	24/25
Kerja Raya	92.11	18/24	95.14	4/24	80.30	25/25

Nota: K – Kedudukan

Sangat Baik/Cemerlang (Bermula 2015)

Baik

Perubahan Nama Kementerian

Berikutan daripada pengumuman kabinet baru pada 15 Mei 2013, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran telah dicantumkan dan dikenali sebagai Kementerian Pendidikan. Bagaimanapun, bermula tahun 2015 Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran kembali menjadi 2 kementerian berasingan. Kementerian Tinggi dikenali sebagai Kementerian Pendidikan Tinggi dan Kementerian Pendidikan Malaysia dikekalkan namanya.



Bahagian Hubungan Antarabangsa

Bahagian Hubungan Antarabangsa

Fungsi Bahagian Hubungan Antarabangsa

Merealisasikan komitmen kerajaan terhadap resolusi, keputusan, pelan tindakan dan konvensyen yang dipersetujui di peringkat antarabangsa;



Menyelaraskan pelaksanaan komitmen kerajaan terhadap instrumen antarabangsa dengan agensi pelaksanaan di peringkat nasional;



Menyelaraskan pelaksanaan program kerjasama di bawah Memorandum Persefahaman dalam bidang pembangunan wanita, keluarga dan kebajikan masyarakat;



Mewujud dan mempertingkatkan jaringan kerjasama peringkat antarabangsa, serantau dan dua hala;



Merancang aktiviti yang membolehkan Malaysia memainkan peranan penting dan berkesan di peringkat antarabangsa.

Pencapaian Bahagian Hubungan Antarabangsa Bagi Tahun 2015

➤ Global Summit Of Women 2015, Sao Paulo, Brazil (14 - 16 Mei 2015)

Sidang Kemuncak Wanita Global 2015 telah diadakan dari 14 hingga 16 Mei 2015 di Sao Paulo, Brazil.

Malaysia telah menerima anugerah *Government Leadership Award* semasa sidang kemuncak ini yang mengiktiraf peranan Kerajaan dalam mempertingkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja. Malaysia merupakan negara pertama menerima anugerah ini.



➤ **Hari UNESCO Malaysia 2015, Dataran Merdeka, Kuala Lumpur (23 – 24 Mei 2015)**

Majlis perasmian Hari UNESCO Malaysia 2015 telah disempurnakan oleh YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin, mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Presiden Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia pada 23 dan 24 Mei 2015. Turut hadir ialah Ketua Pengarah UNESCO, Madam Irina Bokova.

Tema sambutan kali ini ialah **togetherness** yang bermatlamat untuk menyatupadukan masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai latar belakang yang unik dengan setiap satu daripadanya mempunyai keistimewaan tersendiri.

Pelbagai aktiviti termasuk pameran diadakan sempena sambutan Hari UNESCO Malaysia 2015. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) yang mewakili Jawatankuasa Kecil Tetap

Sains Sosial di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia turut mengadakan pameran mengenai peranan dan fungsi Kementerian dalam pembangunan wanita, keluarga dan masyarakat.



➤ **Pameran KPWKM sebagai platform bagi melobi Keanggotaan Malaysia dalam UNESCO, Paris, Perancis (14 – 18 September 2015)**

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang bertanggungjawab ke atas KPWKM yang mengetuai Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial di bawah Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia telah dijemput untuk merasmikan pameran ini. Pameran ini juga digunakan oleh KPWKM untuk melobi YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bagi merebut jawatan sebagai *President of the Intergovernmental Council of the Management of Social Transformations Program* iaitu sebuah sub-organ di bawah UNESCO yang dipertandingkan pada November 2015.

Selaras dengan penekanan Jawatankuasa Kecil Tetap Sains Sosial terhadap konsep inklusiviti dan kesaksamaan gender, KPWKM menggunakan program ini untuk mengetengahkan dasar dan program-

program yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memperkasakan golongan orang kurang upaya dan wanita melalui pendekatan *productive welfare, social entrepreneur, social*

innovation dan sebagainya. Platform ini juga digunakan untuk mempromosi produk-produk *productive welfare* yang berjaya meningkatkan taraf hidup kedua-dua kumpulan sasar Kementerian ini.



➤ **Persidangan Kepimpinan Wanita Muda Malaysia 2015, Washington, Amerika Syarikat (12 September 2015)**

Persidangan ini dianjurkan oleh KPWKM dan Persatuan Pelajar Malaysia dengan kerjasama Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke United Kingdom dan Jabatan Penuntut Malaysia di Washington. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyampaikan ucapan dan merasmikan persidangan tersebut. Persidangan yang julung kali diadakan ini telah dihadiri oleh seramai 100

orang pelajar dari pelbagai universiti di seluruh Amerika Syarikat. Persidangan ini bertujuan memberi peluang kepada para pelajar terutamanya pelajar wanita meningkatkan pengetahuan, berkongsi pengalaman dan mengenal pasti isu serta cabaran berkaitan pembangunan dan pemeraksanaan golongan wanita. Penglibatan KPWKM dalam persidangan sebegini merupakan satu anjakan yang diambil untuk memastikan kumpulan sasaran Kementerian di luar negara mendapat akses kepada maklumat yang betul serta tepat.



➤ **Perasmian Komuniti PERWANI
1Malaysia, London, United Kingdom
(19 September 2015)**

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Komuniti PERWANI 1Malaysia dan Komuniti PERWANI Siswi di London yang merupakan

komuniti PERWANI pertama yang ditubuhkan di luar negara. YB Menteri juga menyampaikan taklimat ringkas mengenai tujuan serta objektif penubuhan PERWANI bagi membantu komuniti ini bergerak dengan lebih lancar. Sambutan yang menggalakkan telah diberikan oleh

komuniti PERWANI di London dengan kehadiran 50 orang wanita dan siswi. Promosi mengenai perkara ini akan dipergiatkan lagi bagi membolehkan lebih banyak komuniti PERWANI ditubuhkan di United Kingdom dan North Ireland.



Malaysia-UNESCO Cooperation Programme (MUCP) and Roundtable Discussion

MUCP and Roundtable Discussion bertujuan menonjolkan program-program kerjasama antara Malaysia dengan UNESCO dan negara penerima. *Roundtable Discussion* diadakan bagi mendapatkan pandangan dan cadangan halatuju baru dalam pembiayaan MUCP MFIT dengan mengambilkira isu-isu semasa yang mendesak di bawah piagam UNESCO. Matlamatnya adalah untuk memastikan pelaburan dalam MUCP MFIT ini memberi manfaat yang maksimum kepada Malaysia serta negara-negara penerima biaya MUCP. *Roundtable Discussion* ini dihadiri hampir 100 peserta dari pelbagai negara dan telah menampilkan 6 ahli panel antarabangsa iaitu:

- YBhg. Tan Sri Prof. Emeritus Dr. Zakri A. Hamid (Penasihat Sains kepada YAB Perdana Menteri Malaysia);
- Ms. Deepika Sharma (Pengarah Projek Yayasan Learning Links India);
- Dato' Ir. Dr. Lee Yee Cheong (Pengerusi ISTIC - International Science, Technology and Innovation Centre for South-south Cooperation);
- Ms. Cecilie Smith-Christensen (Timbalan Pengarah, Yayasan Nordic World Heritage);
- YBhg. Prof. Dato' Dr. Asma Ismail (Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi Malaysia); dan
- Dr. Mustafa El Tayeb (Presiden Future University).



➤ **Mesyuarat Suruhanjaya Sains Sosial UNESCO di Paris, Perancis dari 10 hingga 12 November 2015**

Mesyuarat Suruhanjaya Sains Sosial UNESCO ini telah membincangkan program dan bajet bagi tahun 2016-2017 dan 2018-2021. Selain itu, beberapa kertas berkaitan hala tuju Suruhanjaya Sains Sosial UNESCO juga dibentangkan untuk dibincang dan diterima pakai oleh semua negara anggota.

YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah membuat 4 intervensi negara yang menyentuh tentang program dan bajet Suruhanjaya Sains Sosial UNESCO bagi tahun 2016-2017 dan 2018-2021, deklarasi mengenai perubahan iklim dan status semakan pembiayaan untuk penyelidikan saintifik.



➤ **Mesyuarat Luar Biasa Sekretariat Management of Social Transformation Programme di Paris, Perancis pada 14 November 2015**

Mesyuarat Luar Biasa Sekretariat Management of Social Transformations

Programme telah memilih ahli baru bagi sekretariat berkenaan termasuk jawatan President of the Intergovernmental Council of the Management of Social Transformations Programme. YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dipilih

sebagai Presiden bagi tempoh 2015-2017 manakala 6 negara lain iaitu Turki, Slovakia, Argentina, Thailand, Egypt dan Cameroon telah dipilih sebagai Naib Presiden mengikut wilayah masing-masing bagi tempoh yang sama.



Unit Asean Dan Dua Hala / Bilateral (AB)

➤ Program Pasangan Sempena Pemukiman Menteri Luar ASEAN, Kota Kinabalu, Sabah (28 Januari 2015)

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah dilantik untuk melaksanakan Program Pasangan Sempena Sesi Permukiman Menteri Luar ASEAN pada 28 Januari 2015.

Oleh kerana program ini diadakan di Kota Kinabalu, Sabah, maka, Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA) telah dilantik sebagai penganjur bersama bagi melancarkan proses penganjuran.

Tetamu kehormat yang hadir ke program tersebut hanyalah dari negara Thailand. Satu sesi taklimat mengenai Kumpulan Yayasan Sabah dan Tayangan 3-Dimensi Maliau Basin serta Lembah Danum telah disampaikan kepada semua hadirin.



➤ **ACWC-Network of Social Service Agencies (NOSSA) Malaysia Consultation, KPWKM (29 - 30 Januari 2015)**

Penubuhan NOSSA adalah bertujuan untuk mewujudkan jaringan kerjasama antara wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dari negara anggota ASEAN dalam melaksanakan pelbagai program, perkhidmatan dan kerja sosial

untuk mencegah, melindungi serta memberi bantuan kepada mangsa-mangsa keganasan yang melibatkan golongan wanita dan kanak-kanak.

Sesi rundingan peringkat kebangsaan yang dikendalikan oleh para perunding NOSSA telah melibatkan wakil ACWC Malaysia (bagi hak kanak-kanak), pegawai-pegawai KPWKM, agensi-

agensi di bawah KPWKM iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pembangunan Wanita, Kementerian Luar Negeri, Polis Diraja Malaysia, UNICEF, *Social Service Agencies* (SSAs) yang menawarkan perkhidmatan sosial kepada kanak-kanak serta SSAs yang menawarkan perkhidmatan sosial kepada wanita.



➤ **Forum for Spouses of ASEAN Heads of State/Government sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26, KLCC (27 April 2015)**

Forum tersebut telah membincangkan mengenai *social business* yang merupakan suatu konsep baru yang mengguna pakai model perniagaan yang memaksimumkan keuntungan bagi tujuan mengurangkan masalah sosial seperti kemiskinan, akses kepada pendidikan dan kemudahan kesihatan atau alam sekitar.

Dalam ucapan yang telah disampaikan oleh YABhg. Datin

Paduka Seri Rosmah Mansor, beliau menyatakan bahawa *social business* boleh dijadikan sebagai salah satu medium untuk menghapus masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Beliau juga turut mengesyorkan agar

social business ini dibantu menerusi pemberian geran dan pelaburan oleh pertubuhan kebajikan dan para dermawan bagi memberi impak yang lebih berkesan, meluas dan mampan.



➤ **Pertunjukan Fesyen Eleganza Malaysian Textile sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26, Hotel St. Regis, Langkawi (28 April 2015)**

Sempena dengan penganjuran *Forum for Spouses of ASEAN Heads of State/ Government* bagi pasangan kepada Ketua-Ketua Negara ASEAN semasa Sidang Kemuncak ASEAN Ke-26 yang diadakan pada 27 April 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, satu pertunjukan fesyen istimewa “*Eleganza Tekstil Malaysia*” telah diadakan pada 28 April 2015 di Hotel St. Regis, Langkawi.

Sebanyak empat koleksi rekaan batik dan songket pereka fesyen terkemuka Datuk Radzuan Radziwill diperagakan kepada hadirin. Pereka Terbaik 2014 Anugerah Fesyen Stylo Bon Zainal pula bekerjasama dengan Candela buat julung kalinya untuk menampilkan rekaan batik geometrik dan menggunakan warna terang pada pertunjukan fesyen itu. Selain itu, pereka Nik Mohd Faiz turut menampilkan



koleksi batik Ruzz Gahara dengan corak asli Malaysia.

Yayasan Tuanku Nur Zahirah, di bawah naungan Sultanah Terengganu Sultanah Nur Zahirah, juga mengambil bahagian dalam pertunjukan fesyen tersebut dan ia memberi fokus kepada memulihara

dan memperluaskan kraftangan dan warisan asli menerusi koleksi songket.

Pameran dan jualan batik serta songket eksklusif juga telah diadakan dengan kerjasama Kraftangan Malaysia dan ianya telah menarik perhatian tetamu yang hadir.



➤ **ASEAN Regional Workshop on Gender Issues in Climate Change and Its Adaptation, The Westin Langkawi, (9-11 Jun 2015)**

ASEAN Regional Workshop on Gender Issues in Climate Change and Its Adaptation telah diadakan pada 9 hingga 11 Jun 2015 di Langkawi, Kedah dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Seramai 50 orang peserta yang terdiri daripada wakil ASEAN Committee on Women (ACW) dari negara anggota ASEAN, agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan termasuk ahli akademik telah menghadiri bengkel ini.

Beberapa orang penceramah yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan telah dijemput untuk sesi ***The Experts Speak Out*** iaitu YBhg. Dato' Dr. Sharifah Mastura Syed

Abdullah, Pengarah Institut Perubahan Iklim, Encik Asfaazam Kasbani, *United Nations Development Programme* dan Puan Khairah Talha, Pengarah *Malaysian Institut of Planners Training Centre* bagi membincang dan berkongsi pengetahuan mengenai isu-isu berkaitan pelbagai aktiviti manusia dan proses semula jadi yang menyumbang kepada berlakunya perubahan iklim. Sesi ini juga turut mengupas pendekatan adaptasi dan mitigasi dalam

menangani masalah perubahan iklim.

Di samping itu, peserta bengkel juga telah berpeluang mengadakan perbincangan kumpulan dan berkongsi pengalaman serta kemajuan yang telah dicapai berkaitan strategi dan langkah-langkah adaptasi perubahan iklim melalui perkongsian amalan-amalan terbaik daripada negara Lao PDR, Malaysia, Myanmar dan Vietnam.



➤ **Lawatan Kerja YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke Republik Singapura (16 - 17 Jun 2015)**

Kunjungan hormat YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke Republik Singapura telah diadakan pada 16 hingga 17 Jun 2015. Lawatan kerja selama 2 hari tersebut bertujuan untuk meninjau aspek sosial dan amalan terbaik yang boleh dipelajari oleh Malaysia di samping untuk mengeratkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua buah negara.

➤ **Program Pasangan Sempena Sesi Pemukiman Menteri Luar ASEAN Ke-48, PWTC, Kuala Lumpur (5 - 6 Ogos 2015)**

KPWKM telah mengaturkan lawatan ke beberapa tempat menarik di sekitar

Kuala Lumpur di mana pasangan kepada Menteri-Menteri Luar berkenaan telah dibawa ke Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, Menara Kuala Lumpur dan Kompleks Kraftangan. Semasa di Menara Kuala Lumpur, satu demonstrasi masakan oleh chef terkemuka tanah air telah diadakan

manakala di Kompleks Kraf tangan satu taklimat telah diberikan diikuti dengan sesi demonstrasi batik dan seramik. Delegasi juga berpeluang untuk melawat Muzium Kraf dan pusat jualan hasil kraf di samping menyaksikan pertunjukan fesyen batik kontemporari.



➤ **Lawatan Kerja YB Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke Republik Singapura (17 - 18 Ogos 2015)**

Satu lawatan kunjungan hormat YB Senator Datin Paduka Chew Mei Fun, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ke Republik Singapura telah diadakan pada 17 hingga 18 Ogos 2015. Lawatan kerja selama 2 hari tersebut bertujuan untuk meninjau aspek penjagaan awal kanak-kanak dan pendidikan di Singapura serta amalan terbaik yang boleh dipelajari oleh Malaysia.

➤ **Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN Ke-11 Mengenai Kebajikan Sosial dan Pembangunan (11th Senior Officials Meeting on Social Welfare And Development), Sheraton Imperial, Kuala Lumpur (7 - 11 September 2015)**

Mesyuarat Pegawai Kanan ASEAN mengenai Kebajikan Sosial dan Pembangunan (SOMSWD) merupakan mesyuarat berkala yang diadakan sekali setahun dan setiap negara ahli ASEAN akan bergilir-gilir menjadi tuan rumah kepada mesyuarat ini. Tahun 2015 merupakan giliran Malaysia untuk menjadi tuan rumah dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan *focal point* untuk mesyuarat ini.

Mesyuarat ini diadakan bagi:

- Membincangkan projek dan program yang akan dilaksanakan dalam memperkasa pembangunan sosial serta menjaga kepentingan golongan-golongan tertentu yang meliputi wanita, kanak-kanak, warga tua dan golongan yang kurang bernasib baik di rantau ASEAN.

- Berperanan sebagai platform strategik bagi membincangkan Pelan 5 Tahun ASEAN dalam bidang berkaitan serta cabaran dan halangan yang dihadapi dalam usaha membangunkan kebajikan kumpulan rentan.
- Membincangkan status dan pemantauan pelaksanaan *ASCC Blueprint* yang berkaitan dengan pembangunan sosial dan kebajikan.
- Membincangkan status kemajuan pelaksanaan *ASEAN Strategic Framework on Social Welfare and Development (2011-2015)* dan memuktamadkan *ASEAN Strategic Framework on Social Welfare and Development 2016-2020*.



➤ **Majlis Makan Malam Sempena Penganjuran ASEAN Disability Forum Conference 2015, KPWKM (20 Oktober 2015)**

Majlis Makan Malam sempena Penganjuran ASEAN Disability Forum Conference 2015 telah diadakan di Dewan Perdana Nur, KPWKM pada 20 Oktober 2015.



➤ **ASEAN Food Fiesta: “Rice That Binds Us”, The Royale Chulan Kuala Lumpur (21 November 2015)**

ASEAN Food Fiesta: “Rice That Binds Us” merupakan program bagi pasangan Ketua-Ketua Negara ASEAN yang diadakan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27. ASEAN Food Fiesta dianjurkan sebagai platform bagi pasangan kepada Ketua-Ketua Negara ASEAN dan tetamu-tetamu jemputan berkongsi serta menikmati keunikan hidangan tradisi ASEAN. Seramai tujuh (7) orang tetamu kehormat iaitu pasangan kepada ketua-ketua negara ASEAN dan lebih 200 orang tetamu jemputan telah hadir bagi menjayakan program tersebut. Festival Makanan ASEAN adalah bertujuan untuk mempamerkan kekayaan masakan ASEAN, menyediakan juadah terbaik hidangan tradisional dari 10 negara anggota ASEAN, menggalakkan masakan tradisional rantau ASEAN dan membangun Komuniti ASEAN melalui masakan.



➤ **Regional Consultative Meeting on Developing ASEAN Early Childhood Care, Development and Education Quality Standards, The Royale Chulan Damansara (7 - 10 Disember 2015)**

Penganjuran *Regional Consultative Meeting on Developing ASEAN Early Childhood Care, Development and Education (ECCDE) Quality Standards* adalah di bawah Pelan Kerja 5 Tahun ACWC (2011 hingga 2016). Penganjuran bengkel ini telah dibiayai secara bersama oleh KPWKM dan *Regional European Union - ASEAN Dialogue Instrument Facility (READI)* dan

telah diadakan selama 4 hari dari 7 hingga 10 Disember 2015. Bengkel ini telah dihadiri oleh 56 peserta yang terdiri daripada wakil *ASEAN Commission on the Promotion and Protection of the Rights of Women and Children (ACWC)*, wakil bidang penjagaan kanak-kanak dan wakil bidang pendidikan prasekolah dari negara-negara anggota ASEAN.

Bengkel ini telah dirasmikan pada 7 Disember 2015 dan antara inti pati ucapan perasmian telah menyentuh keperluan untuk semua negara anggota ASEAN mengadakan

perkongsian bijak antara sektor awam, swasta dan pertubuhan bukan kerajaan bagi memastikan bidang pendidikan prasekolah serta penjagaan kanak-kanak mempunyai kualiti piawaian yang dapat membangunkan kanak-kanak cemerlang secara holistik. Bengkel tersebut telah dibahagikan kepada 2 sesi iaitu sesi pembentangan laporan negara dan bengkel penggubalan draf piawaian. Hasilnya, suatu draf piawaian bagi bidang penjagaan kanak-kanak dan bidang pendidikan prasekolah telah dipersetujui untuk diperakukan bagi pelaksanaan di peringkat ACWC.





➤ Kunjungan Hormat oleh Duta Sudan di Malaysia ke KPWKM



➤ 3 Mac 2015





➤ Kunjungan Hormat oleh Delegasi UNICEF ke KPWKM



➤ 2 April 2015





➤ Lawatan Kerja oleh The Chamber of Zakat, The Ministry of Welfare and Social Security Republic of Sudan ke KPWKM



➤ 1 - 3 Jun 2015







➤ Kunjungan Hormat Persatuan Wanita Kementerian Luar Negeri (PERWAKILAN) dan Isteri-isteri Duta Asing ke KPWKM



➤ 14 Ogos 2015





➤ **Kunjungan Hormat Delegasi
Korea ke KPWKM**



➤ **14 Ogos 2015**





➤ APEC Women And The Economy 2015
Fora, Manila Filipina



➤ 16 - 18 September 2015





➤ **Kunjungan Hormat Kerajaan
Timor Leste ke KPWKM**



➤ **20 Oktober 2015**





➤ Kunjungan Hormat Unit Pemantau dan Penilai Hal Ehwal Sosial (UMAAS) Timor Leste ke KPWKM



➤ 13 November 2015





➤ **Kunjungan Hormat H.E. Kristina Persson, Minister for Strategic Development and Nordic Cooperation Sweden ke KPWKM**



➤ **16 November 2015**





Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

• Kedudukan Perjawatan dan Pengisian Sehingga 31 Disember 2015

Perjawatan	KPWKM	JPW	ISM	NIEW	JKMM	LPPKN	Jumlah
Anggota Pentadbiran	4	0	0	0	0	0	4
Pengurusan Tertinggi	4	1	1	0	3	1	10
Pengurusan dan Profesional	130	53	27	13	691	190	1104
Sokongan 1	136	118	49	17	4927	808	6055
Sokongan 2	36	64	26	3	1843	181	2153
Jumlah Perjawatan	306	236	103	33	7464	1180	9322
Jumlah Pengisian	277	196	96	27	6867	953	8416
Jumlah Kekosongan	29	40	7	6	597	227	906

Pencapaian Program / Aktiviti BPSM

• Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2014

- Pada tahun 2014, seramai 646 orang warga KPWKM dan jabatan telah diraikan sebagai penerima APC dalam Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan

Cemerlang yang diadakan pada 10 Mac 2015 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

• Anugerah Pekerja Contoh Tahun 2015

- Pada tahun 2015, seramai 67 orang warga Kementerian, Jabatan dan Agensi telah dipilih sebagai

penerima Anugerah Pekerja Contoh Siri 1 Tahun 2015. Penyampaian sijil penghargaan kepada semua penerima disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada Perhimpunan Bulanan KPWKM pada 18 Ogos 2015.

• **Penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dan Negeri**

Nama Negeri	Tarikh Keputeraan	Bilangan Pencalonan	Bilangan Penerima
Perak	10 April 2015	6 orang	-
Perlis	17 Mei 2015	11 orang	-
Pulau Pinang	1 Julai 2015	44 orang	Seorang
Melaka	10 Oktober 2015	10 orang	-
Pahang	24 Oktober 2015	45 orang	-
Kelantan	11 November 2015	20 orang	4 orang
Selangor	12 November 2015	18 orang	-
Kedah	19 Januari 2016	8 orang	-
Wilayah Persekutuan	1 Februari 2016	49 orang	1 orang
Terengganu	26 April 2016	18 orang	-
Persekutuan	4 Jun 2016	49 orang	-

• **Pelan Operasi Latihan 2015**

- Bagi tahun 2015, sebanyak **RM1,300,126.80** atau **74%** daripada **RM1,764,350.00** telah dibelanjakan untuk menganjurkan program-program yang telah

diluluskan dalam Pelan Operasi Latihan (POL) Tahun 2015. Perbelanjaan ini merangkumi perbelanjaan peruntukan di bawah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian

Kewangan dan Bahagian Akaun, Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pengurusan Maklumat, Bahagian Pembangunan dan Unit Komunikasi Korporat.

• **Pecahan Perbelanjaan Pelan Operasi Latihan 2015**

Bahagian	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan	
		(RM)	%
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	836,500.00	76,334.40	81
Bahagian Kewangan dan Bahagian Akaun	238,250.00	175,868.00	74
Bahagian Khidmat Pengurusan	342,700.00	222,570.00	65
Bahagian Pengurusan Maklumat	133,400.00	124,739.00	94

Bahagian	Peruntukan Diluluskan (RM)	Perbelanjaan	
		(RM)	%
Bahagian Pembangunan	63,500.00	55,455.00	87
Unit Komunikasi Korporat	150,000.00	45,160.00	30
JUMLAH	1,764,350.00	1,300,126.80	74

• Perincian pecahan mengikut bidang yang dirancang di bawah POL Tahun 2015.

Skop Kursus	Bilangan Kursus Dirancang	Bilangan Kursus Dilaksana
Kepimpinan	14	13
Pengurusan dan Perancangan	19	16
Kemahiran Interpersonal dan Komunikasi	22	18
Kompetensi/ Profesional/ Teknikal	18	17
Kewangan	14	14
Program Lawatan	4	4
JUMLAH	91	82

Selain kursus-kursus yang dalam POL 2015, terdapat juga kursus yang dijalankan secara ad-hoc seperti di bawah:

Bahagian	Tajuk Kursus
Pengurusan Sumber Manusia	Kursus Perkhidmatan Pelanggan Amalan Senyum pada 12-13 Oktober 2015 di Bilik Latihan, Aras 3, KPWKM; dan Kursus Mini Seminar <i>Re-Engineering</i> (NLP) pada 22 Oktober 2015 di Bilik Latihan, Aras 3, KPWKM

• **Program Latihan Jangka Pendek Anjuran Jabatan/Agensi Luar**

- Selain daripada kursus yang dirancang dalam POL Tahun 2015, Program Latihan Jangka Pendek anjuran Jabatan/ Agensi Luar juga dijalankan dengan peruntukkan sebanyak RM100,000.00. Sepanjang tahun 2015, seramai 83 orang anggota telah berpeluang mengikuti 35 kursus

anjuran jabatan/agensi luar yang melibatkan perbelanjaan sebanyak **RM99,372.00** atau bersamaan 99.37%.

- Bagi meningkatkan lagi pembangunan sumber manusia,

BPSM turut menggalakkan anggota KPWK dan Jabatan/Agensi di bawahnya untuk menyertai Program Latihan Jangka Pendek Luar Negara.

Agensi	Mohon
JICA	9
COTI	13
JUMLAH	22

• **Hadiah Latihan Persekutuan (HLP)**

- Pecahan permohonan HLP:

HLP	Gunasama		Bukan Gunasama	
	Ph.D	Sarjana	Ph.D	Sarjana
Melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan Ph.D	4	15	12	6

• **Pencapaian Kehadiran Latihan Tahun 2015**

- Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005, semua anggota perlu memenuhi keperluan menghadiri program latihan sekurang-kurangnya tujuh (7) hari setahun. Sehubungan itu, usaha ke arah pencapaian tersebut sentiasa giat dilakukan.

• **Peratus Pencapaian Kehadiran Latihan sehingga 31 Disember**

Bilangan Hari Berkursus	Bilangan Pegawai / Kakitangan Yang Telah Menghadiri Latihan	Peratus Kehadiran (%)
7 hari atau lebih	244	94.57
1-6 hari	13	5.04
0 hari	1	0.39
JUMLAH	258	

- **Peratus Pencapaian Kehadiran Latihan sehingga 31 Disember 2015 bagi anggota Jabatan/Agensi di bawah KPWKM**

AGENSI	≥ 7 hari (%)	≤ 7 hari (%)	Tidak Hadir Langsung (%)
JKMM	95.97	3.55	0.48
JPW	100	-	-
LPPKN	100	-	-
ISM	100	-	-
NIEW	96.43	-	-

- **Pelaksanaan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) Sebagai Petunjuk Prestasi Utama (KPI) KPWKM Tahun 2015**

- Majlis Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Ketua-Ketua Setiausaha dan Setiausaha

Kerajaan Negeri telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal Abidin, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bersempena dengan Program HRMIS *User Group Summit (HUGS)* 2015 pada 30 November 2015

bertempat di Bilik Mesyuarat Bendahara, Kompleks Lembaga Hasil Dalam Negeri(LHDN) Cyberjaya. KPWKM telah memperoleh markah sebanyak 95 peratus bagi **Petunjuk Prestasi Utama (KPI) HRMIS Tahun 2015**.

- **Pencapaian KPI HRMIS tahun 2014**

Kriteria	KPI	
	Peratusan (%)	Markah
Pengemaskinian Maklumat Perjawatan Kementerian (HRMIS) berbanding dengan Sistem MyPost	20	20
Pemurnian Data (24 Elemen Integriti Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan)	15	15
Pengemaskinian Maklumat Perisytiharan Harta	20	20
Pelaksanaan pengisian SKT 2014 (KPI diambil kira sehingga Julai 2014)	20	20
Pelaksanaan Submodul LNPT 2014	20	20
JUMLAH KESELURUHAN		95

• **Kriteria KPI HRMIS tahun 2015**

Kriteria	Peratusan (%)
Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan Di Antara HRMIS dan MyPost	30
Pemurnian Data bagi 24 Elemen Data Perjawatan, Rekod Peribadi dan Profil Perkhidmatan di HRMIS	20
Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bagi Tahun 2015 Melalui HRMIS	20
Pelaksanaan Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) Bagi Tahun 2015 Melalui HRMIS	20
Pelaksanaan Perisytiharan Harta Melalui HRMIS	10
JUMLAH KESELURUHAN	100

Sepanjang tahun 2015, sejumlah lima (5) buah bengkel telah dilaksanakan bagi menyelaraskan pelaksanaan dan prestasi HRMIS KPWK dan Agensi sepanjang tahun 2015.

• **Senarai Bengkel HRMIS 2015**

Nama Bengkel	Tarikh	Tempat
Bengkel Modul HRMIS Siri 1/2015	24 - 26 Feb 2015	Tang Dynasty Park Hotel, Kota Kinabalu, Sabah
Bengkel Modul HRMIS Siri 2/2015	6 - 7 Mei 2015	Makmal Komputer Aras 33, KPWK
Bengkel Modul HRMIS Siri 3/2015	25 - 27 Ogos 2015	My Hotel, Langkawi, Kedah
HRMIS Users Talk (HUT) KPWK 2015	23 Oktober 2015	Dewan Perdana Nur, KPWK
Bengkel Modul HRMIS Siri 5/2015	18 - 20 November 2015	Hotel Ibis Styles, Kuala Lumpur

• **Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling Organisasi**

Jenis/ Perkara	Perkhidmatan Bimbingan Kaunseling Organisasi			
	Individu	Kelompok	Intervensi Krisis	Jumlah
Klien	11	-	2	13

- **Garis Panduan Pegawai**

- **Berprestasi Rendah dan Pegawai Bermasalah (PBRM)**

- Kementerian telah membangunkan Garis Panduan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai Bermasalah (PBRM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Garis panduan ini telah diedarkan kepada semua Ketua Jabatan/Unit di Kementerian dan agensi di bawahnya pada 6 April 2010 untuk dilaksanakan. Tujuan garis panduan ini diwujudkan adalah seperti berikut:
 - Menyediakan garis panduan kepada pegawai psikologi bagi membantu pengurusan sumber manusia dalam mengurus pegawai berprestasi rendah dan bermasalah.
 - Membantu memperkasakan

kesejahteraan psikologi pegawai berprestasi rendah dan bermasalah ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti melalui perubahan sikap yang konsisten.

- Meningkatkan penghargaan sendiri pegawai berprestasi rendah dan bermasalah agar lebih komited dalam mencapai matlamat organisasi.
 - Melahirkan modal insan yang cemerlang agar dapat mewujudkan persepsi yang positif dalam kalangan orang awam terhadap perkhidmatan awam.

- **Program Pembangunan Modal Insan (Program Pembangunan dan Pencegahan)**

- Program Pembangunan dan Pencegahan adalah program

latihan yang dirancang secara sistematik berasaskan pendekatan psikologi bagi pegawai - pegawai dan kakitangan Kementerian yang tidak dikategorikan di dalam PBRM. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran peserta dalam mengurus fizikal, mental dan spiritual serta membentuk sikap positif peserta dalam menghadapi tugas harian dan perhubungan interpersonal, intrapersonal secara khususnya. Pada tahun 2015, pelbagai Program Pembangunan Modal Insan (Program Psikologi) telah dilaksanakan kepada warga Kementerian dan agensi di bawahnya. Program tersebut adalah seperti berikut:

- **Program Pembangunan Modal Insan (Program Psikologi) Tahun 2015**

Nama Program	Tarikh	Tempat	Bil. Peserta
Program Keseimbangan Kerjaya Dan Keluarga Bergerak Seiring, KPWK	24 Februari 2015	Dewan Persidangan, Aras 7, KPWK	80
Kursus Pengupayaan Kendiri PPSI & PPPSI	4 - 6 Mac 2015	Regency Hotel, Kuala Lumpur	36
Program Amalan Hidup Sihat (Pengurusan Tekanan, Konflik Dan Marah) KPWK	24 Mac 2015	Dewan Persidangan, Aras 7, KPWK	51
Kursus Pembangunan Kerja Berpasukan & Pengukuhan Jati Diri	27 - 29 Mei 2015	Ismah Beach Resort, Melaka	27

• **Program/Aktiviti AKRAB Tahun 2015**

Nama Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Ahli AKRAB Yang Terlibat
Program Sukarelawan kepada mangsa banjir (Fasa 1)	31 Dis 2014 - 4 Januari 2015	Tumpat, Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Jamal Zaidi Bin Ismail • Tn. Haji Mohamad Rashidi Bin Hj. Mohd Arif
Program Sukarelawan kepada mangsa banjir (Fasa 2)	8 - 11 Januari 2015	Temerloh, Pahang	<ul style="list-style-type: none"> • Encik Hazly Bin Ismail
Program Sukarelawan kepada mangsa banjir (Fasa 3)	13 - 17 Januari 2015	Kota Bharu, Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • Puan Shamila Banu Binti Hisamuddin • Pn. Norfatiha Binti Ab. Rahman
Kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Tahap 1	29 - 31 Mac 2015	Ashton Nilai Hotel	35 orang
Kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Tahap 2	26 - 28 April 2015	NIOSH Hostel Bdr Baru Bangi Selangor	35 orang
Kursus PASCA AKRAB	24 - 26 Mei 2015	Sedim Rainforest Resort, Kulim, Kedah	24 orang
Booth Pameran Akrab KPWK M Sempena Sambutan Hari Antarabangsa Menangani Keganasan Terhadap Wanita	25 November 2015	IOI City Mall Putrajaya	6 orang
Hari Terbuka Psikologi & Simposium AKRAB Dirasmikan oleh: KSU KPWK M	27 November 2015	Dewan Perdana Nur, KPWK M	133 orang
Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB KPWK M Bil. 1/2015	4 Februari 2015	Bilik Mesyuarat BPSM KPWK M	13 orang
Mesyuarat Jawatankuasa AKRAB KPWK M Bil. 2/2015	26 Oktober 2015	Bilik Mesyuarat BPSM KPWK M	9 orang

- **Ujian Psikologi**

- Pada tahun 2014, seramai 143 orang warga Kementerian telah mengambil ujian psikologi yang melibatkan Ujian Personaliti Warna

dan Ujian Personaliti (Pengurusan Konflik). Hasil ujian tersebut bukan sahaja digunakan untuk menganalisa personaliti responden yang terlibat malah ia turut berjaya

membantu Bahagian Pengurusan Sumber Manusia dalam meningkatkan potensi pekerja dalam organisasi dan memahami tingkahlaku mereka secara amnya.

Jenis Ujian/Inventori	Tarikh Pelaksanaan	Bil. Responden
Ujian Personaliti Warna	Januari - Disember 2015	71
Ujian Pengurusan Konflik	Januari - Disember 2015	72
JUMLAH RESPONDEN		143

- **Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN)**

- Kementerian telah melaksanakan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bermula 14 Julai 2014 hingga 24 Julai 2014. Seramai 134 daripada 304 kakitangan KPWKM telah melaksanakan kajian tersebut secara online dan laporan lengkap telah dipanjangkan kepada Unit Integriti Kementerian untuk tindakan selanjutnya pada 7 September 2015. Manakala Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) bagi tahun 2015 telah dilaksanakan pada bulan Disember 2015 melibatkan responden daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).


mereka diberikan Sijil Penghargaan, Sijil Simpanan Premium sebanyak RM300.00 dan hadiah iringan yang telah disampaikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada malam tersebut.

- **Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ)**

- Untuk tahun 2015, seramai 16 orang wakil pekerja yang dilantik bagi sesi 2014/2015 telah menyuarakan isu-isu dan usul-usul yang menitikberatkan kepada kepentingan warga kerja Kementerian di samping mengatasi masalah-masalah yang dihadapi. Mesyuarat MBJ KPWKM untuk tahun 2015 telah diadakan sebanyak empat (4) kali iaitu pada 31 Mac 2015, 26 Jun 2015, 10 September 2015 dan 21 Disember 2015.

- **Majlis Jasamu Dikenang**

- Untuk tahun 2015, seramai 101 pesara KPWKM yang bersara pada tahun 2014 telah dijemput dan sebagai tanda penghargaan setiap





Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian Khidmat Pengurusan



Objektif

Menyedia dan memberikan perkhidmatan sokongan yang diperlukan secara efektif dan efisien ke arah mencapai visi dan misi Kementerian.



Program dan Aktiviti

Program/Aktiviti	Tarikh	Tempat	Perasmi	Info / Berita Ringkas
Sambutan Maulidur Rasul 1436H	3 Januari 2015 (Sabtu)	Masjid Putra, Putrajaya	Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	Perarakan dan sambutan Maulidur Rasul 1436H peringkat kebangsaan yang dihoskan oleh JAKIM. 100 orang peserta KPWKM menyertai perarakan dan sambutan.
Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 1/2015	13 Januari 2015 (Selasa)	Dewan Perdana Nur, KPWKM	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Amanat tahun baharu dan sorotan peristiwa sepanjang tahun 2014. Pameran dari pelbagai perkhidmatan kerajaan 500 orang warga KPWKM dan agensi telah menghadiri majlis ini. Dilantik sebagai Jawatankuasa Kecil Logistik.
Konvensyen KIK KPWKM	27 Februari 2015 (Jumaat)	Auditorium, Aras 7 KPWKM		Pertandingan KIK bagi memilih kumpulan KIK terbaik untuk mewakili KPWKM ke peringkat lebih tinggi. 120 ahli KIK dari semua agensi KPWKM menyertai pertandingan ini.
Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2015	19 Mac 2015 (Khamis)	Dewan Perdana Nur, KPWKM	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Majlis perhimpunan yang diadakan setiap 2 bulan sekali bagi menyampaikan amanat. Pameran dari pelbagai perkhidmatan agensi KPWKM. 500 orang warga KPWKM dan agensi telah menghadiri majlis ini Jawatankuasa Induk.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	10 Mac 2015 (Selasa)	PICC, Putrajaya	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	<p>Majlis bagi menyampaikan anugerah kepada warga KPWKM yang menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2014.</p> <p>1000 orang warga KPWKM dan agensi telah menghadiri majlis ini.</p> <p>Dilantik sebagai Jawatankuasa kecil logistik.</p>
Bengkel KIK KPWKM 1/2015	5 - 7 April 2015 (Ahad - Selasa)	Pulau Pangkor, Perak		<p>Bengkel bagi melatih kumpulan KIK KPWKM dan agensi.</p> <p>50 orang telah menghadiri bengkel ini.</p>
Bengkel KIK KPWKM 2/2015	24 - 26 Mei 2015 (Ahad - Selasa)	Cameron Highlands, Pahang		<p>Bengkel bagi melatih kumpulan KIK KPWKM dan agensi.</p> <p>55 orang telah menghadiri bengkel ini.</p>
Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 3/2015	9 Jun 2015 (Selasa)	Dewan Perdana Nur, KPWKM	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	<p>Majlis perhimpunan yang diadakan setiap 2 bulan sekali bagi menyampaikan amanat.</p> <p>500 orang warga KPWKM dan agensi telah menghadiri majlis ini.</p> <p>Dilantik sebagai Jawatankuasa kecil logistik.</p>
Program Persada Transformasi	17 Jun 2015 (Rabu)	PICC, Putrajaya	YAB Perdana Menteri	<p>Majlis dan pameran berkenaan transformasi perkhidmatan awam.</p> <p>Pameran transformasi KPWKM.</p>
Audit Bahasa Melayu	22 - 25 Jun 2015 (Isnin - Khamis)	KPWKM		<p>Pengauditan audit Bahasa Melayu oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.</p> <p>Melibatkan 5 Bahagian KPWKM KPWKM mendapat keputusan iaitu: Tahap Penggunaan Bahasa - Aras 4 Mutu Bahasa Melayu - Aras 5.</p>
Majlis Sinar Ramadan	22 Jun 2015 (Isnin)	Borneo Convention Centre Kuching, Sarawak	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	<p>Meraikan kumpulan sasaran kementerian.</p> <p>Melibatkan 1000 orang kumpulan sasaran kementerian.</p> <p>Penyelaras KPWKM.</p>
Majlis Sinar Ramadan KPWKM	2 Julai 2015 (Khamis)	PWTC, Kuala Lumpur	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	<p>Meraikan kumpulan sasaran kementerian.</p> <p>Melibatkan 1000 orang kumpulan sasaran kementerian Jawatankuasa kecil logistik.</p>

Majlis Berbuka Puasa Kementerian	9 Julai 2015 (Khamis)	Dewan Perdana Nur, KPWKM	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Meraikan warga KPWKM. Melibatkan 400 warga KPWKM. Jawatankuasa kecil logistik.
Majlis Bersama Meraikan Aidilfitri KPWKM 2015	27 Julai 2015 (Isnin)	Nexus, Bangsar South City	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Meraikan kumpulan sasar kementerian. Melibatkan 1000 warga KPWKM. Jawatankuasa Induk.
Majlis Hari Raya Kementerian	30 Julai 2015 (Khamis)	Dewan Perdana Nur, KPWKM	YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	Meraikan warga KPWKM. Melibatkan 500 warga KPWKM. Jawatankuasa Kecil Logistik.
Pengauditan Indeks Penarafan Bintang	13 - 14 Ogos 2015 (Khamis - Jumaat)	KPWKM		Auditan Indeks Penarafan. Bintang (indeks SSR) oleh pihak MAMPU.
Bengkel KIK KPWKM 3/2015	8 - 10 Oktober 2015 (Khamis - Sabtu)	Melaka		Bengkel bagi melatih kumpulan KIK. KPWKM dan agensi. 55 orang telah menghadiri bengkel ini.
Sambutan Maal Hijrah 1437H	14 Oktober 2015 (Rabu)	Masjid Negara, Kuala Lumpur	Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah	Perarakan dan sambutan Maal Hijrah 1437H peringkat kebangsaan yang dihoskan oleh JAKIM. 100 orang peserta KPWKM menyertai perarakan dan sambutan.
Pertandingan Penjimatan Tenaga	Ogos - Oktober 2015	KPWKM		Program bagi memupuk budaya penjimatan tenaga dalam kalangan warga KPWKM. 11 aras telah menyertai pertandingan ini.
Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam 2015	24 - 26 November 2015 (Selasa - Khamis)	Kuantan, Pahang		Pertandingan KIK peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh INTAN. KPWKM telah menghantar peserta ke pertandingan ini. Kumpulan SINAR dari RSK Bedong, Kedah telah mewakili KPWKM ke pertandingan ini.

<p>Sambutan Maulidur Rasul 1437H</p>	<p>24 Disember 2015 (Khamis)</p>	<p>MAEPS Serdang</p>	<p>Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong XIV Al-Mu'tasimu Billahi Muhibbudin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah</p>	<p>Perarakan dan sambutan Maulidur Rasul 1437H peringkat kebangsaan yang dihoskan oleh JAKIM.</p> <p>100 orang peserta KPWKM menyertai perarakan dan sambutan.</p>
<p>Pertanyaan Bagi Persidangan Penggal Ketiga, Parlimen Ke-13 (2015)</p>	<p>9 Mac 2015 - 28 April 2015 (Mesyuarat Pertama) 18 Mei 2015 - 7 Julai 2015 (Mesyuarat Kedua) 19 Oktober 2015 - 22 Disember 2015 (Mesyuarat Ketiga)</p>	<p>Parlimen Malaysia</p>		<p>Sepanjang tahun 2015, KPWKM telah menerima 184 pertanyaan berkaitan kumpulan-sasaran Kementerian serta inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian bagi membantu kebajikan negara. Daripada jumlah 184 pertanyaan, sebanyak 138 merupakan pertanyaan lisan manakala 46 pertanyaan adalah bukan lisan.</p>

Bengkel Penulisan Jawapan Parlimen Yang Berkesan
5 - 7 Februari 2015 (Khamis - Sabtu)
Port Dickson, Negeri Sembilan

Unit Parlimen telah mengadakan satu Bengkel Penulisan Jawapan Parlimen Yang Berkesan kepada pegawai-pegawai yang terlibat dengan urusan penyediaan jawapan Parlimen pada 5 hingga 7 Februari 2015 (Khamis-Sabtu) di Port Dickson, Negeri Sembilan. Objektif bengkel ini adalah memberi pendedahan kepada pegawai mengenai urusan Parlimen dan teknik penyediaan jawapan Parlimen yang berkesan. Bengkel ini dihadiri peserta seramai 50 orang yang melibatkan kesemua Bahagian dan Agensi di bawah Kementerian.




Majlis Taklimat Bajet 2016 KPWKM Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat	26 Oktober 2015 (Isnin)	Bilik Taklimat, Parlimen Malaysia	YB Menteri KPWKM telah memberi taklimat kepada ahli Dewan Rakyat melalui Majlis Taklimat Bajet 2016 kepada ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat.
Taklimat Jawapan Parlimen kepada YB Menteri / YB Timbalan Menteri KPWKM	Sepanjang Persidangan Parlimen	Parlimen Malaysia	Sepanjang tahun 2015, Taklimat Jawapan Parlimen kepada YB Menteri / YB Timbalan Menteri KPWKM telah diadakan sebanyak 47 kali. Taklimat ini diadakan atas permintaan YB Menteri / YB Timbalan Menteri dan semasa penggulangan serta Aturan Urusan Mesyuarat bagi pertanyaan Parlimen No.1 hingga 15 di Parlimen Malaysia.
Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM I,II dan III	<p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM I pada 22 - 24 Mei 2015</p> <p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM II pada 21 - 23 Ogos 2015</p> <p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM III pada 13 - 15 November 2015</p>	<p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM I di Langkawi, Kedah</p> <p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM II di Kuching, Sarawak</p> <p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor KPWKM III di Cameron Highlands, Pahang</p>	<p>Bengkel Pengurusan Aset dan Stor diadakan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan aset dan stor di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), NAM Institute for the Empowerment of Women (NIEW) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).</p> <p>Melibatkan pegawai KPWKM dan agensi yang dipertanggungjawabkan untuk menguruskan aset alih (harta modal dan aset alih bernilai nilai) dengan berpadanan kepada 1 Pekeliling Perbendaharaan.</p> <p>Melibatkan seramai 117 pegawai yang menerima manfaat dari kursus yang dianjurkan.</p>

Kursus
Pengurusan Rekod
dan Fail

2 - 4 April
2015

Kuantan,
Pahang



Objektif kursus ini adalah untuk:

- Mengenal pasti konsep dan perundangan pengurusan rekod mengikut Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629).
- Melaksanakan urusan sistem fail dengan sistematik mengikut piawaian dan prosedur pengurusan rekod yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia.
- Mengaplikasi proses pengurusan rekod dengan betul mengikut standard dan panduan yang dikeluarkan oleh Arkib Negara Malaysia.
- Mengaplikasi pengurusan dokumen terperingkat dengan betul mengikut Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan Arahan Keselamatan.
- Penyertaan: 36 orang peserta.
- Penceramah: 2 orang pegawai daripada Arkib Negara Malaysia.
- Seorang pegawai daripada Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan Negeri Pahang.

Latihan
Pelaksanaan
Aplikasi Digital
Document
Management
System (DDMS)

18 - 26 Ogos
2015

D.G. Kom Sdn Bhd,
Bilik Latihan Aras 33,
KPWKM dan Makmal
Komputer KKMM

Objektif latihan ini adalah untuk memastikan pengguna DDMS di KPWKM bersedia dan faham mengenai kaedah dan tatacara penggunaan aplikasi DDMS.

Penyertaan: 138 orang peserta terdiri daripada kakitangan KPWKM
Jurulatih: Jurulatih daripada D.G. Kom Sdn. Bhd.

Bengkel
Pelupusan
Rekod


3 - 4
November
2015

Bilik Latihan
Aras 3,
KPWK


Objektif bengkel ini adalah untuk:

- Memberi pendedahan dengan lebih terperinci ke atas tatacara pelupusan rekod mengikut panduan yang telah ditetapkan.
- Memberi latihan kepada peserta bengkel mengenai kaedah pelupusan rekod yang betul.
- Memastikan ruang simpanan fail digunakan dengan sebaiknya setelah pelupusan dilaksanakan.
- Penyertaan : 27 orang peserta
- Penceramah dan Fasilitator : Pegawai daripada Arkib Negara Malaysia

Program Library 2U	15 dan 16 Jun 2015 (Selasa dan Rabu)	Makmal Komputer aras 26, KPWK	<p>Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada kakitangan KPWK untuk mendapatkan maklumat tentang perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan, memberi peluang kepada kakitangan untuk bersemuka secara terus dengan kakitangan Pusat Sumber KPWK dan menyediakan platform untuk peserta mendapat pendedahan secara terus berkaitan dengan koleksi dan perkhidmatan perpustakaan.</p> <p>Seramai 20 orang kakitangan KPWK dan agensi-agensi yang hadir. Penerangan telah disampaikan oleh kakitangan Unit Pusat Sumber. Penerangan adalah berkaitan perkhidmatan dan koleksi perpustakaan, laman web Infonur, pangkalan data yang dilanggan, PNM Digital, U-Pustaka serta lawatan ke perpustakaan turut dilaksanakan.</p>
-----------------------	---	----------------------------------	---



<p>Karnival Semarak Ilmu @ KPWK 2015</p>	<p>17 Disember 2015 (Khamis)</p>	<p>Perpustakaan Aras 3, KPWK</p>	<p>Karnival ini merupakan program tahunan perpustakaan KPWK. Program ini diadakan bagi mewujudkan kesedaran dan keseronokan membaca serta memupuk tabiat membaca sepanjang hayat agar dapat melahirkan generasi yang berilmu dan berfikiran kreatif.</p> <p>Dianggarkan seramai 300 orang telah hadir yang terdiri daripada kakitangan KPWK dan agensi-agensi serta anak-anak, kanak-kanak taska serta remaja-remaja dari rumah kebajikan.</p> <p>Pelbagai aktiviti telah dijalankan iaitu Pertandingan Kolaj, Pertandingan Mewarna, Pertandingan Kreatif Bahan Terbuang, Pertandingan Spell It Right : Jawi, Pertandingan Bijak Jawi, Pertandingan Infohunt dan Pertandingan Fotografi Membaca Ceria.</p>
<p>Perkhidmatan Perpustakaan</p>	<p>Januari - Disember 2015</p>	<p>Perpustakaan KPWK</p>	<p>Perkhidmatan yang disediakan : Perkhidmatan kaunter penasihat pembaca, perkhidmatan pinjaman, perkhidmatan pinjaman kelompok PNM dan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan.</p> <p>Pencapaian Januari - Disember 2015 berbanding tahun 2014 :</p> <p>Jumlah pengguna 2,671 orang berbanding 2,400 pada tahun 2014.</p> <p>Jumlah bahan dipinjam 1,697 naskah berbanding 1,067 pada tahun 2014.</p> <p>Jumlah bahan 1,200 naskah berbanding 900 naskah pada tahun 2014.</p> <p>Jumlah bahan pinjaman antara perpustakaan 30 naskah berbanding 20 naskah pada tahun 2014.</p>



Ceramah dan Latihan Keselamatan Kebakaran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	29 - 30 September 2015 (Selasa - Rabu)	Dewan Perdana Nur, KPWKM (29 September 2015) Balai Bomba dan Penyelamat Malaysia, Presint 9, Putrajaya (30 September 2015)	Tiada	Untuk memberi pendedahan awal dan pengetahuan khusus kepada warga Kementerian khususnya ahli pasukan tindak balas keselamatan KPWKM tentang pencegahan dan keselamatan kebakaran di bangunan serta kaedah memadam api dan menyelamatkan diri semasa berlaku kebakaran. Penyertaan : 38 orang peserta Penceramah : Pegawai Bomba dan Keselamatan Malaysia Cawangan Putrajaya
Coaching Session Pengisian Buku Daftar Suratan Rahsia Rasmi	14 September 2015 (Isnin)	Bilik Mesyuarat Aras 34	Tiada	Untuk memberi pendedahan kepada warga Kementerian khususnya pegawai / kakitangan KPWKM yang bertanggungjawab terhadap buku daftar suratan rasmi tentang cara pengisian yang betul dan teratur. Penyertaan : 22 orang peserta Penceramah : Encik Samsudin bin Sulee (Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia)
Bengkel Public Service Delivery Transformasi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Siri I	19 - 22 Januari 2015 (Isnin - Khamis)	Hotel Seri Costa, Melaka	Tiada	Merupakan inisiatif Kerajaan untuk memperbaiki keberkesanan sistem penyampaian bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Mengenalpasti kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan serta mencari penyelesaian untuk memperbaikinya dalam tempoh 6 bulan. Penyertaan : 24 orang peserta Penceramah : PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri
Bengkel Public Service Delivery Transformation Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Siri II	27 - 29 Januari 2016 (Selasa - Khamis)	Corus Paradise Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan	Tiada	Merupakan inisiatif Kerajaan untuk memperbaiki keberkesanan sistem penyampaian bagi mencapai hasrat Kerajaan untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Mengenalpasti kelemahan dalam penyampaian perkhidmatan serta mencari penyelesaian untuk memperbaikinya dalam tempoh 6 bulan. Penyertaan : 24 orang peserta Penceramah : PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri

Rangkuman Aktiviti Bahagian Khidmat Pengurusan







Bahagian Pembangunan

Bahagian Pembangunan

Peruntukan Pembangunan yang diluluskan untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Masyarakat bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM202.6 juta yang melibatkan 27 projek.

Bahagian Pembangunan sentiasa memantau prestasi fizikal dan prestasi perbelanjaan projek pembangunan Kementerian dari semasa ke semasa. Sebagai langkah dalam mengekalkan kecemerlangan prestasi perbelanjaan, Bahagian ini telah meneliti semula keperluan peruntukan pembangunan berdasarkan prestasi semasa

pelaksanaan projek dan juga unjuran aliran tunai oleh agensi pelaksana. Dalam hal ini, Bahagian Pembangunan telah melaksanakan beberapa tindakan penambahbaikan ke atas projek-projek yang didapati lewat jadual melalui mesyuarat dan lawatan tapak serta lawatan mengejut. Bagi projek yang

tidak dapat dilaksanakan (*take-off*) mengikut perancangan atas beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan serta di luar kawalan, Kementerian telah melaksanakan Waran Sekat berjumlah RM61,613,712 kepada Kementerian Kewangan bagi mengurangkan jumlah peruntukan *shortfall*.

Sehingga tamat tempoh Akaun Kena Bayar (AKB), Bahagian Pembangunan telah mencapai prestasi perbelanjaan seperti berikut:






Prestasi perbelanjaan Bahagian Pembangunan:

Tahun	Peruntukan (RM)	Belanja (RM)	Peratusan Perbelanjaan (%)
2014	73,389,340	70,289,885.61	95.8
2015	141,005,399	139,525,885.87	98.9

Bengkel Berkaitan Pembangunan

Beberapa program pembangunan kapasiti berkaitan skop pembangunan telah dihadiri dan dilaksanakan.

Antaranya adalah:

 1	<p>Bengkel Asas Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (TPATA) KPWK (2 Mei 2015)</p>	 3	<p>Bengkel Pengurusan Fasiliti dan MySPATA (25-29 Mei 2015);</p>	 5
<p>Bengkel Logical Framework Analysis (9 Hingga 10 Feb 2015)</p>	 2	<p>Bengkel Penyelarasan Projek Rolling Plan Pertama RMK-11 (19-20 Mac 2015)</p>	 4	<p>Bengkel Keselamatan kad Hijau (CIDB) KPWK (25 Mac 2015);</p>



• **Pencapaian Projek Pembangunan KPWK**

Pencapaian (Program / Aktiviti / Dasar / Perundangan / Projek Pembangunan, Dll)	Tempoh Pelaksanaan
<p>Kuarters Rumah Seri Kenangan Bedong, Kedah Kos Projek : RM21.6 juta Kapasiti : 37 unit kuarters (1 unit Kelas D, 4 unit Kelas E, 32 unit kelas G) Tujuan : Kemudahan untuk menjaga kebajikan dan memberi keselesaan kakitangan institusi.</p>	<p>2014 hingga 2015 Tarikh Siap: 28 Sept 2015</p>
<p>Kompleks Penyayang Sri Aman, Sarawak Kos Projek : RM6.5 juta Kapasiti : Kafe@TEEN, PAWE, Mamacare, Taska, PDK, Pejabat JKM, Pusat Aktiviti Wanita. Tujuan : Kemudahan yang menyediakan perkhidmatan KPWK di bawah satu bumbung.</p>	<p>Feb hingga Jun 2015 Tarikh Siap: 30 Jun 2015</p>
<p>Penyelenggaraan Kuarters dan Institusi JKM di seluruh Malaysia Penyelenggaraan Kuarters dan institusi ini dapat memberikan manfaat kepada pegawai dan kakitangan khususnya dari segi kebajikan dan kesejahteraan pegawai dan kakitangan serta ahli keluarga yang bertugas di institusi berkenaan. Selain itu, ia turut memberikan manfaat kepada penghuni-penghuni di institusi berkenaan. Kos Projek Keseluruhan: RM50 juta</p>	<p>Mac - November 2015 Tarikh Siap: Disember 2015</p>

• **Inspektorat oleh Pasukan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM)**

Sebanyak sembilan (9) buah projek yang telah dinilai iaitu:

- Klinik LPPKN Perlis;
- Rumah Kanak-Kanak Mini Johor;
- Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi;
- Dewan Nur Subang Menjadi Rumah Perlindungan Wanita di Zon Wilayah Tengah;
- Rumah Perlindungan Wanita Zon Wilayah Tengah;
- Pengindahan Bangunan LPPKN;
- Taman Sinar Harapan Cheras;
- Rumah Sri Kenangan Bedong;
- Kajian Impak Pelaksanaan Program I-KIT dan Program I-Keunita.





Bahagian Pengurusan Maklumat

Bahagian Pengurusan Maklumat KPWKM

Pencapaian BPM 2015

• Portal Rasmi KPWKM

Portal KPWKM telah berjaya memperoleh prestasi 5 bintang bermula 2011 sehingga 2014. Laporan "Malaysia Government Portals & Websites Assessment (MGPWA)" 2013 melaporkan KPWKM telah berjaya mengekalkan taraf lima bintang dengan skor sebanyak 85 markah di mana penurunan satu mata berbanding tahun 2014.

Mulai Jun 2015, pengoperasian Talian Nur diambil alih sepenuhnya

oleh Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat dengan diberi penjenamaan semula kepada Talian Kasih 15999. Bermula dari Jun sehingga Disember 2015, sebanyak 8,600 kes telah direkodkan oleh Talian Kasih yang mana setiap kes dikategorikan kes yang perlu dipanjangkan kepada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) atau hanya diselesaikan di peringkat Talian Kasih sahaja. Operasi Talian Kasih ini dikendalikan oleh seramai 12 orang pegawai khidmat pelanggan dan 4 orang penyelia. Daripada jumlah keseluruhan panggilan

yang diterima, **90 peratus (90%) panggilan berjaya diselesaikan diperingkat Call Agent Talian Kasih**. Manakala selebihnya 10 peratus (10%) dipanjangkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

Merupakan *single point of contact* yang digunakan secara bersepadu yang mengendalikan pertanyaan, aduan dan permohonan berkaitan dengan perkara-perkara kebajikan dan sosial di samping menyalurkan informasi berkaitan program-program Kementerian dan agensi. Kementerian juga telah mewujudkan satu perkhidmatan khusus untuk kanak-kanak yang juga merupakan kumpulan sasar KPWKM yang dikenali sebagai Talian Bantuan Kanak-Kanak (*Childline*).

Skop Operasi - Talian Kasih Call Flow (Escalated)



Spesifikasi Perkhidmatan

Perkhidmatan Talian Kasih 15999 merangkumi perkara-perkara yang

meliputi perkhidmatan yang diberikan oleh Kementerian dan agensi seperti berikut:

Perkhidmatan Talian Kasih

Perkhidmatan	KPWKM	JKMM	JPW	LPPKN	ISM	NIEW
Kecemasan	√	√	√	√	√	√
Pertanyaan, aduan dan informasi	√	√	√	√	√	√
Proses dan prosedur						
OKU		√				
Institusi Kebajikan		√				
Bantuan Kewangan		√				
Juana		√				
Miskin		√				
Lain-lain		√				
Kaunseling		√				
Program dan Aktiviti		√	√	√		
Penderaan		√				
Domestic Violence		√				
Penderaan Pembantu Rumah Warganegara Asing	√					
Childline		√				

Kecemerlangan Perkhidmatan Talian Kasih 15999 diteruskan lagi dengan penerimaan Anugerah Khas Customer Relationship Management and Contact Centre Association of Malaysia (CCAM Awards) 2011 sebagai pengiktirafan kepada sumbangan Talian Kasih 15999 kepada masyarakat.



- **Sistem Integrated Library Management Utility (ILMU)**

Sistem ILMU menyediakan kemudahan pangkalan data dan keperluan maklumat berkaitan dengan koleksi bahan-bahan bagi memudah dan mempercepatkan operasi peminjaman, pembaharuan dan pemulangan secara terkawal di Pusat Sumber KPWKM.

- **KIOSK Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat**

KIOSK adalah merupakan salah satu peranti yang digunakan untuk memaparkan segala maklumat dan info berkaitan kementerian. Inisiatif untuk menambah baik kiosk ini telah dimulakan pada Ogos 2015 dan digunakan sepenuhnya pada Februari 2016.



- **Sistem Maklumat Nasional Isu-Isu Sosial (MANIS)**

Bermula pada tahun 2013, BPM, KPWKM telah diberi peranan untuk menguruskan MANIS sepenuhnya. Sistem MANIS yang mengandungi tiga (3) komponen iaitu *Business Intelligence (BI)*, *Geographical Information System (GIS)* dan Portal digunakan untuk melaksanakan pengumpulan data-data isu sosial secara berpusat dan analisis bagi penghasilan dasar dan program Kementerian.

- **Bengkel Pemantapan SKT dan Fail Meja**

Bahagian Pengurusan Maklumat telah mengadakan Bengkel Pemantapan SKT dan Fail Meja selama 3 hari iaitu pada 1 April 2015 hingga 3 April 2015. Berikut adalah objektif bagi

Bengkel Pemantapan SKT dan Fail Meja:

- Berbincang serta membuat post mortem bagi pelaksanaan projek ICT Kementerian bagi tahun 2014;
- Merancang dan menyediakan pelan pelaksanaan aktiviti BPM bagi tahun 2015 yang bersesuaian dan menepati hala tuju Kementerian;
- Mengenal pasti masalah serta peluang yang ada untuk meningkatkan kualiti dan produktiviti BPM serta meningkatkan kepuasan pelanggan;
- Menyedia dan menetapkan *Key Performance Indicator (KPI)* untuk memastikan keberkesanan perkhidmatan yang diberikan oleh BPM kepada pelanggan;
- Mengemas kini Fail Meja mengikut senarai tugas dan Pekeliling yang berkuat kuasa.

- **Bengkel Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Versi 3.0**

Bengkel DKICT V3 telah dijalankan selama 3 hari iaitu pada 7 Oktober hingga 9 Oktober 2015 yang dihadiri oleh Pegawai Teknologi Maklumat (gred F41 hingga F52) bagi Kementerian dan setiap agensi.

Tujuan utama bengkel ini diadakan untuk mengkaji semula DKICT KPWKM versi 2.0 selaras dengan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan

dan kepentingan sosial dan membincangkan dan mengenal pasti penambahbaikan DKICT Versi 2.0 untuk diimplementasikan berpandukan kepada piawaian Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) terkini iaitu ISO/IEC 27001 : 2013.

• ISMS

Audit Dalam Pensijilan ISMS ISO 27001:2013 telah dijalankan pada 15-17 Jun 2015. Secara keseluruhannya, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat KPWKM telah dilaksanakan dengan baik. Walau bagaimanapun hasil daripada audit yang dijalankan mendapati terdapat 12 penemuan iaitu 8 pemerhatian dan 4 ketakakuran. Pasukan Pelaksana ISMS telah mengambil tindakan susulan dan penambahbaikan ke atas hasil penemuan tersebut.

• Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT KPWKM & Agensi di Semenanjung Malaysia

Perolehan Perkakasan dan Perisian ICT Tahun 2015 di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dilaksanakan bersama keperluan Kementerian dan Agensi di bawahnya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), *NAM Institute for the Empowerment of Women*

(*NIEW*); dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Keseluruhan perkakasan dan perisian mula diterima pada awal Disember 2015 sehingga Januari 2016 sebanyak 866 perkakasan dan 248 perisian.

• Pelupusan Aset Alih

Lawatan pemeriksaan pelupusan aset ICT bagi tahun 2015 telah dijalankan oleh Pegawai Pemeriksa Aset di 19 lokasi seperti berikut:

LPPKN	= 4 lokasi
JPW	= 4 lokasi
JKM	= 10 lokasi
KPWKM	= 1 lokasi

• Latihan (TCO Stream & Web Application)

Sesi Latihan Kepenggunaan TCO!

Stream telah diadakan pada 25 Mac 2015 (Rabu). Latihan ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penggunaan TCO! Stream.

Web Application Security Trainings pula telah diadakan selama 3 hari pada 4 hingga 6 November 2015. Beberapa aplikasi telah diperkenalkan seperti *Process Explorer*, *ComboFix*, *Bleeping Computer* dan sebagainya untuk mengenalpasti masalah yang terdapat pada keselamatan aplikasi web.

• Projek Peluasan PDKNet 2015

Projek peluasan dan penambahbaikan PDKNet di 12 buah negeri yang melibatkan 23 buah PDK termasuk Sabah dan Sarawak bagi tahun 2014 di bawah RMK Ke 10 (*1st Rolling*



Plan). Manakala pada tahun 2015 peluasan Projek PDKNet melibatkan 30 PDK menjadikan keseluruhan 90 PDK yang terlibat sehingga penghujung tahun 2015.

- Fungsi

Membantu OKU penglihatan membaca, mempelajari dan mengajar AI-Quran / mata pelajaran lain dengan lebih efektif dan berkesan. Meningkatkan produktiviti OKU penglihatan dalam pembudayaan ilmu.

- Objektif

Membangunkan satu sistem AI-Quran Braille Elektronik (Sistem e-Braille) yang dapat membantu dan memudahkan golongan yang menghadapi masalah penglihatan

membaca dan menghayati AI-Quran serta pembelajaran lain-lain subjek di samping perluasan ke 4 buah pusat latihan terpilih iaitu:

- Sekolah Menengah Pendidikan Khas (Buta) Setapak, Kuala Lumpur
- Sekolah Kebangsaan Pendidikan


- Khas (Buta) Alma, Pulau Pinang
- Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Buta) Pekan Tuaran, Sabah,
- Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS), Kuala Lumpur



E-JKM



Objektif

- Mewujudkan budaya kerja yang sistematik melalui peningkatan infostruktur dan infrastruktur JKMM;
- Mewujudkan pangkalan data bersepadu yang teratur, perkongsian maklumat dan mudah dicapai mengikut keperluan;
- Mengelakkan pertindihan maklumat serta keupayaan menyediakan maklum balas yang cepat dan tepat;
- Selaras dengan saranan MAMPU semasa membuat lawatan pemantauan iaitu mengkaji semula proses kerja yang boleh diringkaskan dan menggunakan MYKAD/ID sebagai input kepada sistem; dan 
- Meningkatkan pembelajaran dan kesedaran ICT di dalam kalangan pegawai JKMM.
- **Pemindahan Teknologi** - Menyediakan beberapa siri latihan aplikasi kepada staf teknikal semasa fasa pembangunan sistem.
- **Latihan** - Menyediakan beberapa siri latihan aplikasi kepada pentadbir aplikasi dan pengguna selepas Ujian

Penerimaan dilaksanakan.

- Real Application Cluster

Menyediakan RAC pada pangkalan data e-JKM.

- **Disaster Recovery** - Menyediakan pemulihan bencana bagi aplikasi e-JKM; dan

- **Perkakasan dan Perisian** -

Menghantar, memasang dan menyediakan persekitaran pembangunan semasa fasa reka bentuk dan pembangunan aplikasi dan juga menghantar, memasang dan menyediakan persekitaran produksi selepas penerimaan dilaksanakan.





Modul Sistem eJKM

Bahagian	Modul	Kumpulan Sasar
Sosio Ekonomi dan Bantuan (EB)	Pengurusan Bantuan Bencana	Awam
Perintah Khidmat Masyarakat (PKM)	Perintah Khidmat Masyarakat	Awam

Bahagian	Modul	Kumpulan Sasar
Kaunseling dan Psikologi (KP)	Kaunseling dan Psikologi	Awam
Pembangunan Komuniti (PK)	<ul style="list-style-type: none"> • Sukarelawan • MAYANG • Pertubuhan Sukarela Kebajikan • PSK Homehelp 	Komuniti
Perundangan dan Advokasi (PA)	<ul style="list-style-type: none"> • Pendaftaran dan Pemantauan Pusat Jagaan (PJ) • Pendaftaran dan Pemantauan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) • Penasihat Mahkamah (PM) 	Awam


Bahagian	Modul	Kumpulan Sasar
Warga Tua Dan Keluarga (WTK)	<ul style="list-style-type: none"> • Pengurusan Kemasukan Warga Emas ke Institusi (WE-I) • Pengendalian Mangsa Keganasan Rumah Tangga (AKRT) • Badan Pendamai (BP) • Pengurusan Menyelamatkan Orang Papa dan Pengemis (POP) • Program Komuniti Bagi Warga Emas (PAWE) 	Warga Emas Keluarga Awam Warga Emas
Jabatan Orang Kurang Upaya (JPOKU)	<ul style="list-style-type: none"> • Permohonan Kemasukan Orang Kurang Upaya (OKU) ke Institusi Kebajikan (OKU-IT) • OKU Sektor Awam (OKU-SA) • Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) 	Orang Kurang Upaya
Kanak-Kanak	<ul style="list-style-type: none"> • Pengendalian Kes Anak Angkat (AA) • Pengendalian Kes Kanak-Kanak yang Memerlukan Perlindungan Segera (PS) • Pengendalian Kes Kanak-Kanak yang Memerlukan Perlindungan dan Pemeliharaan - Penderaan Kanak-Kanak (PP) • Program Khidmat Sokongan Saksi (KSS) • Pengurusan Kes-kes di bawah Akta Anti Permerdagangan Orang 2007 (AAPPO) • Pengendalian Kes Kanak-Kanak Tidak Terkawal (KK-TK) • Pengendalian Kes Kanak-Kanak yang memerlukan Perlindungan dan Pemulihan (LP) • Pengendalian Kes Kanak-Kanak yang Terlibat Dengan Jenayah (KK-J) • Program Komuniti Untuk Komuniti Bagi Kanak-Kanak • Pengendalian Kes Wanita yang Mengandung Luar Nikah (18 tahun ke atas) (WHLN) 	Kanak-Kanak Wanita
Perancangan dan Pembangunan	Sistem Maklumat Perangkaan	

Aktiviti Projek 2015

- Pada tahun 2015 team eMasyarakat telah menjalankan aktiviti-aktiviti seperti berikut:
 - Latihan pengguna bagi Modul Kanak-Kanak & latihan kepada pentadbir sistem negeri - 48 peserta;
 - Lawatan pemantauan penggunaan eJKM bersama dengan wakil

Bahagian Kanak-Kanak JKM dan Bahagian:

- Perancangan dan Pembangunan JKM ke institusi - 14 institusi JKM telah dilawati;
- Pemantapan pelaksanaan sistem eJKM;
- Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran penggunaan eJKM bagi golongan sasaran untuk Modul Kanak-Kanak.





Bahagian Akaun

Bahagian Akaun



Objektif

Fungsi utama Bahagian Akaun adalah:

- Mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan;
- Memastikan transaksi kewangan dan perakaunan diperakaunkan dengan tepat dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa;
- Menyediakan maklumat kewangan dan perakaunan yang tepat bagi penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan yang berkualiti dan mengikut jadual;
- Memastikan pematuhan kepada peraturan yang berkuat kuasa melalui pelaksanaan naziran bayaran, pemantauan dan audit terimaan;
- Memberi khidmat nasihat yang berkualiti berkaitan perkhidmatan kewangan dan perakaunan mengikut keperluan pelanggan;



Laporan Aktiviti

Pengumpulan Data Perakaunan Akruan


Bahagian Akaun bertanggungjawab untuk menyelaras aktiviti pengumpulan data bagi tujuan pelaksanaan Perakaunan Akruan yang dijadualkan pelaksanaannya mulai tahun 2017. Maklumat-maklumat berkaitan Aset Tak Alih, Aset Alih, Aset Dalam Pembinaan, Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar akan dilaporkan

secara bulanan ke Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM). Data-data Perakaunan Akruan juga akan dimigrasikan ke server 1GMAS melalui proses *mock run* yang dibuat secara berkala mengikut *cut off date* yang ditetapkan JANM.

Di peringkat Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pengumpulan Data berperanan untuk menyelaras aktiviti pengumpulan data bagi semua agensi. Seterusnya, laporan status

pengumpulan data akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Perakaunan Akruan Kementerian setiap suku tahun sepertimana ketetapan di dalam Pekeliling Perbendaharaan PS1.2.

Sehingga 31 Disember 2015, berikut adalah status pengumpulan data Perakaunan Akruan mengikut kelas masing-masing.




• Aset Tak Alih



Aset Tak Alih terdiri daripada tanah dan bangunan bagi agensi-agensi di bawah Kementerian. Bagi aset tanah Kementerian, sebanyak 87 rekod tanah hak milik Persekutuan telah dimasukkan dalam senarai baki awal Aset Tak Alih iaitu melibatkan 72 rekod tanah di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) dan 15 rekod tanah di bawah Jabatan Pembangunan

Wanita (JPW). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, sebanyak 78 rekod tanah telah selesai dibuat penilaian oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dan nilai semasa keseluruhan tanah adalah RM1,663,125,052.68. Jumlah baki ini adalah berdasarkan andaian kaedah nilai semasa (*fair value*) tanah digunakan sebagai asas pengukuran untuk baki awal.

Bagi aset bangunan Kementerian iaitu meliputi institusi-institusi di bawah JKMM dan JPW di negeri-negeri, sebanyak 89 rekod bangunan telah dikenalpasti untuk pengukuran baki awal iaitu masing-masing 72 bagi JKM dan 17 bagi JPW. Sehingga 31 Disember 2015, 78 rekod bangunan telah selesai dinilai JPPH dengan nilai keseluruhan RM534,909,000.00.



Pecahan Nilai Aset Tak Alih Mengikut Agensi (RM)




Pecahan Bilangan Aset Tak Alih Mengikut Agensi

• Aset Alih

Aset Alih terdiri daripada harta modal (Kew.PA4) dan aset bernilai rendah (Kew.PA5) yang telah direkodkan oleh agensi-agensi di bawah Kementerian menggunakan Sistem Aset Alih (SPA). Sehingga 31 Disember 2015, Aset Alih yang dikemaskini di SPA adalah sebanyak RM79,370,773.79 bagi harta modal (11,661 unit) dan RM33,564,273.51 bagi aset bernilai rendah (85,840 unit)



Bilangan Aset Alih Mengikut Agensi



Pecahan Nilai Aset Alih Mengikut Agensi

• **Aset Dalam Pembinaan**


Bagi *Asset Under Construction (AUC)*, sebanyak empat (4) projek disenaraikan untuk pengumpulan data baki awal pada tahun 2015 dengan perbelanjaan terkumpul RM95,233,104.87 iaitu:

Projek 1: Taman Sinar Harapan Jubli, Johor Fasa 2;

Projek 2: Taman Sinar Harapan Cheras, Selangor;


Projek 3: Ubahsuai Dewan Nur Subang; dan

Projek 4: Pembinaan Semula Kuarters JKM di RSK Bedong di Kedah, RKK Taman Bakti di Pulau Pinang, RSK Tanjung Rambutan di Perak dan RKK Tg. Ampuan Fatimah di Pahang.



• **Akaun Belum Bayar**


Akaun Belum Bayar terdiri daripada Deposit Am, Deposit Cagaran Kantin dan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) yang dipegang oleh Kementerian dan agensi. Sehingga 31 Disember 2015, jumlah Akaun Belum Bayar adalah sebanyak RM2,595,743.79 seperti berikut:



• **Akaun Belum Terima**

Akaun Belum Terima (ABT) terdiri daripada kes-kes emolumen terlebih bayar, bayaran sewaan kafeteria tertunggak, kutipan balik terlebih bayar kepada penerima bantuan yang telah meninggal dunia, kutipan balik baki geran belum dibelanjakan oleh NGO dan kutipan balik melibatkan kes tatatertib pegawai. Sehingga 31 Disember 2015 sebanyak

RM1,011,731.41 Akaun Belum Terima telah dilaporkan. Pecahan ABT mengikut agensi adalah seperti berikut:



Program Latihan Pengurusan Kewangan dan Akaun Tahun 2015

Nama Kursus	Tarikh Kursus	Tempat
Taklimat Carta Akaun dan MPSAS 1	27 Februari	Bahagian Akaun, KPWKM
Taklimat Pengurusan Kewangan dan Akaun- PTJ Zon Tengah	5 Mac	Institut Sosial Malaysia
Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun-PTJ Zon Selatan	13 - 15 Mei	Hotel Avillion Legacy, Melaka
Kursus Pengurusan Kewangan dan Akaun-PTJ Zon Utara	23 - 25 Nov	Hotel Impiana, Ipoh Perak





**Naziran
eSPKB**


- Bahagian Kewangan KPWKM;
- Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita;
- Institut Sosial Malaysia;
- Institut Pengupayaan Wanita Bagi Anggota Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NIEW);
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ;
- Pejabat Pembangunan Wanita Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya;
- Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi;
- Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah, Cheras;



**Skop Semakan
Naziran**

- Waran Peruntukan;
- Baucar Bayaran;
- Baucar Jurnal;
- Waran Perjalanan Udara Awam Pukul;
- Proses Penyediaan Dokumen Kewangan;
- Penyenggaraan Laporan;
- Pengurusan Dokumen Kewangan;
- Pengurusan Pengguna;

Naziran eSPKB ke atas 175 PTJ Kementerian di seluruh negara dilaksanakan oleh pasukan naziran di Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri/Cawangan yang berkenaan. Sebanyak 60% (111 PTJ) daripada keseluruhan 184 PTJ telah mendapat pencapaian tahap Cemerlang, 27% (49 PTJ) di tahap Baik dan 9% (17 PTJ) di tahap Memuaskan. Manakala baki 4% (7 PTJ) tidak dinazir disebabkan oleh PTJ baru diwujudkan, tiada operasi atau tiada urus niaga.




Prestasi Markah Naziran eSPKB Bagi PTJ KPWKM Tahun 2015

Semakan Kira-Kira Wang Tunai (KKWT)


Selaras dengan AP139, adalah menjadi tanggungjawab Bahagian Akaun KPWKM selaku Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri untuk memastikan supaya pemantauan dan penyeliaan hasil dilakukan. Mulai tahun 2015, Bahagian Akaun KPWKM bertanggungjawab untuk melaksanakan Audit Terimaan ke atas dokumen terimaan daripada semua 155 Pejabat Pemungut Kementerian di seluruh negara. Sebanyak 1,860 penyata KKWT telah dikemukakan oleh Pejabat Pemungut sepanjang tahun 2015, iaitu sebanyak 155 dokumen KKWT diterima setiap bulan selewat-lewatnya pada 10hb bagi KKWT bulan sebelumnya, seperti yang

diperuntukkan dalam AP145. Penilaian semakan KKWT adalah berdasarkan:



Skop semakan penyata KKWT

- Penghantaran Dokumen Terimaan Dalam Tempoh Ditetapkan;
- Keberanian Mengutip Wang/Menulis, Menandatangani dan Membatalkan Resit/ Merekod dan Menyemak Buku Tunai;
- Kawalan Terhadap Penerimaan dan Pengeluaran Stok Resit serta Lain-Lain Dokumen Terkawal;
- Pungutan Dibankkan dalam Tempoh Ditetapkan;
- Perekodan di Resit / Buku Tunai / Penyata Pemungut;
- Penyeliaan ke Atas Resit / Buku Tunai / Penyata Pemungut;
- Maklumbalas Pemerhatian Ketidakpatuhan Adalah Lengkap;




Pengurusan Bayaran


Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam mengumpulkan dan mengemukakan maklumat Laporan Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan Bagi Kementerian dan Jabatan di bawah KPWK. Maklumat ini dikemukakan ke Jabatan Perdana Menteri melalui sistem e-Laporan JPM (JPM).

Bagi tahun 2015, sebanyak 65,239 bil dan tuntutan telah diproses di Kementerian dan Jabatan termasuk


Pusat Tanggungjawab di negeri-negeri. Prestasi bil bagi tempoh 1-7 hari adalah 95.87 % dengan bil dan tuntutan sebanyak 62,547. Manakala bagi tempoh 8 hingga 14 hari adalah 4.03% dengan bil dan tuntutan sebanyak 2,629. Pecahan dan prestasi pembayaran bil dan tuntutan adalah seperti di Carta 11:

Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2015





Jumlah Pembayaran Bil dan Tuntutan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2015




Pengurusan Gaji

Bahagian Akaun juga turut bertanggungjawab dalam pengurusan gaji bagi lapan (8) Pusat Pembayar di Lembah Klang iaitu Ibu Pejabat KPWK, Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM), Ibu Pejabat Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Institut Sosial Malaysia (ISM), NAM *Institute For The Empowerment of Women* (NIEW), Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah

dan Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi.

Bagi tahun 2015, sebanyak RM 61.9 juta telah dibelanjakan berdasarkan jumlah pendapatan kasar bagi pembayaran gaji 1,300 kakitangan di lapan (8) Pusat Pembayar seperti berikut:



Jumlah Pendapatan Kasar dan Potongan Gaji Kakitangan di Kementerian dan Jabatan Bagi Tahun 2015



Unit Penasihat Undang-undang

Unit Penasihat Undang-undang

Perkhidmatan yang disediakan:

- Menderaf dan menyemak perjanjian.
- Menderaf dan menyediakan pewartaan.
- Menderaf dan menyemak MOU.



Penggubalan Pewartaan Akta di bawah Kementerian dan agensi-agensi di bawahnya dan Kementerian berkaitan



- Pewartaan di bawah Akta Orang Kurang Upaya 2008 [Akta 685]
 - Pelantikan Pendaftar seramai 6 orang mulai 16 Februari 2015
 - Pelantikan Ketua Pendaftar seramai 1 orang mulai 1 Jun 2015.
- Pewartaan di bawah Akta Kanak-kanak 2001 [Akta 611]
 - Pelantikan Pelindung seramai 188 orang mulai 22 September 2015.
 - Pelantikan Pegawai Akhlak seramai 188 orang mulai 22 September 2015.
- Pewartaan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993 [Akta 506]
 - Pelantikan Pegawai diberi Kuasa seramai 188 orang mulai 22 September 2015.
- Pewartaan di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984 [Akta 308]
 - Pelantikan Pegawai diberi Kuasa seramai 188 orang mulai 22 September 2015.
- Pewartaan di bawah Akta Anti Penyeludupan orang dan Anti Penyeludupan Migran 2007 [Akta 670]
 - Pelantikan Pegawai Pelindung seramai 36 orang mulai 2 Disember 2015.



Semakan Akta

- Kajian semula undang-undang yang berkaitan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak. Siri konsultasi mengenai pandangan Kementerian terlibat seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri, dan Jabatan Peguam Negara untuk meminda undang-undang berkaitan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak telah diadakan sepanjang tahun.
- Sesi penggubalan/pindaan Akta Kanak-kanak.



Menderaf dan menyemak Perjanjian di bawah Kementerian dan agensi agensi di bawahnya

- Telah menderaf dan menyemak sebanyak 232 perjanjian sepanjang tahun yang telah dimuktamadkan dan disetemkan.
- Telah menderaf dan menyemak sebanyak 25 MOU sepanjang tahun.




Unit National Key Result Area

Unit National Key Result Area

Pengenalan

GTP merangkumi enam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang menangani isu kesejahteraan sosial iaitu:



telah disenaraikan setahun selepas itu manakala pada 2014, Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam yang sebelum itu diletakkan di bawah ETP telah diangkat menjadi NKRA yang kelapan.

Program eRezeki yang dilancarkan pada oleh MDEC Jun 2015 bertujuan meningkatkan purata pendapatan isi rumah B40 juga boleh dimanfaatkan oleh penerima 1AZAM. Portal yang disediakan percuma sepanjang hayat ini akan meningkatkan keterlihatan dan kumpulan tenaga mahir dalam

kalangan rakyat Malaysia dan membolehkan penerima 1AZAM menerokai pasaran baharu bagi produk mereka.

Dengan melengkapkan penanda aras Paras Garis Kemiskinan (PLI) dengan Indeks Kemiskinan Multidimensi (MPI),

cerapan dan pemahaman baharu tentang keadaan sebenar kemiskinan di negara ini dapat diperoleh, dan NKRA LIH dapat mengatur dan memperkemas sokongan yang diterima oleh isi rumah B40 dengan lebih baik, sekali gus menambah baik penyampaian program yang sewajarnya.

Pencapaian Januari - Disember 2015 Berbanding Tahun 2014

NKRA - Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

KPI	KPI		
	Sasaran	Pencapaian	Peratusan
Bilangan Peserta Baharu Dalam Program 1AZAM	18,500	19,945	108.00%
Bilangan Peserta 1AZAM Baharu dan Sedia Ada yang Berjaya Meningkatkan Pendapatan Sebanyak RM300 Bagi Mana-Mana 3 Bulan	22,387	18,880	84.00%
Bilangan Peserta 1AZAM Dalam Program Literasi Kewangan	18,500	13,960	75.00%
Bilangan Projek 1AZAM yang Bekerjasama Dengan Ngo dan Sektor Korporat	28	37	132.00%
Bilangan Komuniti 1AZAM/Program Berasaskan Kumpulan	60	65	108.00%
Peserta Beyond 1AZAM yang Memperoleh Peningkatan Minimum 50% Dalam Pendapatan Daripada Projek Azam Sedia Ada Untuk 3 Bulan Berturut-Turut	2,100	1,511	72.00%
Peratusan Rekod yang telah Dikemas Kini Dalam E Kasih	100	100	100.00%
Jumlah			97%



➤ Jelajah Sri Aman 

➤ 2015





➤ Program Jelajah 1AZAM
Beaufort, Sabah



➤ 25 Oktober 2015

➤ Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun

Perkhidmatan yang disediakan:

- Kursus Literasi Kewangan.
- Kursus Motivasi dan Anjakan Minda.
- Sesi perkongsian Kisah Kejayaan Peserta Program 1AZAM.
- Penyampaian Mock Up Bantuan Peralatan 1AZAM kepada penerima di Sri Aman.
- Penyerahan Bantuan Kerusi Roda kepada penerima JKM.
- Pameran informasi oleh agensi di bawah KPWKMM dan agensi pelaksana serta gerai jualan oleh peserta Program 1AZAM.





➤ **Pembekalan Bantuan Peralatan Program 1AZAM
(AZAM Niaga & Khidmat) KPWKM**



➤ **2015**

➤ **Seluruh Malaysia**





➤ Program Penyerahan Bantuan Peralatan 1AZAM
(AZAM Niaga & Khidmat) KPWK



➤ 2015

➤ Seluruh Malaysia





➤ **Temubual Media Bersama Unit DMO NKRA LIH
Mengenai Pencapaian Program 1AZAM**



➤ **2015**

➤ **Angkasapuri, Kuala Lumpur**






➤ Bengkel Way Forward
GTP 3.0 NKRA LIH 2016-2020



➤ 11-13 November 2015 ➤ Negeri Sembilan





➤ Program DMO NKRA LIH
Bersama KPWKM



➤ 2015



Kisah Kejayaan 5 AZAM



AZAM Tani

Noriah Bt Abdul Rahim • Pemrosesan Makanan Pendapatan Bulanan
Sebelum RM600 / Selepas RM5000



AZAM Khidmat

Sahida Bt Nainar Sahib • Khidmat / Pakej Urutan - Pendapatan Bulanan
Sebelum RM400 / Selepas RM6000



AZAM Niaga

Fatimah Bt Said • Pakej Kuih-Muih
Pendapatan Bulanan **Sebelum RM300 / Selepas RM2000**





AZAM Bandar



Muhammad Syafiqush Syamil
Mohd Maznan

Jamilah Ali


Zuki Zakaria



AZAM Kerja Sabah

Daibik Imam • 1Azam Train & Place
Pendapatan Bulanan **Sebelum RM500 /
Selepas RM4000**





Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam

Rancangan dan Pencapaian Unit Audit Dalam KPWKM Tahun 2015

Rancangan pengauditan tahun 2015 memberi tumpuan kepada memantapkan pengurusan kewangan melalui penambahbaikan kawalan dalaman dan pengurusan program / aktiviti yang


cekap dan berkesan selaras dengan visi UAD sebagai agen kecemerlangan bagi memastikan integriti dan akauntabiliti pengurusan kewangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang terbilang. Sebanyak 12 Pengauditan Pengurusan Kewangan, 2 Pengauditan

Prestasi, 2 Pengauditan Perolehan, 1 Pengauditan ICT, 20 Pemeriksaan Mengejut, 7 Pengauditan Susulan, 1 Auditan Khas dan 1 Pemantauan Indeks Akauntabiliti telah dirancang bagi memastikan sistem pencapaian Perkhidmatan Awam diurus dengan cekap dan berkesan.

Pencapaian Kerja Pengauditan Tahun 2015

Rancangan Audit Yang Diluluskan		Pencapaian (Bilangan)	Ulasan*
Jenis Pengauditan	Bilangan		
Pengauditan Pengurusan Kewangan.			
<i>Self-Assessment.</i>	TB	TB	Tidak dirancang.
Manual (Penarafan Bintang).	10 PTJ	10 PTJ	Pencapaian 100% berbanding sasaran.
Manual (Tidak melibatkan Penarafan Bintang).	2 PTJ	2 PTJ	Pencapaian 100% berbanding sasaran.
Penampilan Audit ICT.	-	-	Tidak dirancang.
Pengauditan Susulan.			
Pengurusan Kewangan.	5 PTJ	5 PTJ	Pencapaian 100% berbanding sasaran.
Prestasi.	2 Kajian	2 Kajian	Pencapaian 100% berbanding sasaran.
ICT.	TB	TB	Tidak dirancang.
Auditan Khas.	-	1 PTJ	Ditambah atas keperluan / arahan.
Lain-lain Pengauditan.			

Pemeriksaan Mengejut.	20 PTJ	20 PTJ	Pencapaian 100% berbanding sasaran.
Penampilan Audit.	TB	TB	Tidak dirancang.
Program Anak Angkat.	TB	TB	Tidak dirancang.
Pengauditan Prestasi.			
Kajian Terhadap Pengurusan Projek Naik Taraf Pusat Latihan Perindustrian Dan Pemulihan (PLPP) Bangi.		√	Laporan telah dikeluarkan.
Kajian Terhadap Pengurusan <i>Purple DNA</i> .		√	Laporan telah dikeluarkan.
Kajian Terhadap Pengurusan Kontrak Keselamatan Institusi.		x	Ditangguhkan ke tahun 2016 kerana melaksanakan auditan yang tidak dirancang seperti Auditan Khas.
Pengauditan ICT.			
Kajian Terhadap Pengurusan Sistem MaNIS.		√	Laporan telah dikeluarkan.
Pengauditan Khas.			
Perolehan Kementerian / Agensi.		√	Laporan telah dikeluarkan.
Penggunaan Peruntukan Akaun Amanah Kebajikan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).		√	Laporan telah dikeluarkan (Tambahan atas arahan KSU).
Siasatan.			
Siasatan Laporan Ketua Audit Negara.		TB	Tidak dirancang.
Lain-Lain Siasatan.			
Siasatan Pegurusan Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 59.		√	Dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Siasatan. Laporan siasatan telah disediakan dan diperakukan kepada KSU.
Verifikasi Baki Awal Aset / Liabiliti.		√	Dijalankan mengikut data baki awal yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun. Arahan Jabatan Akauntan Negara, verifikasi baki awal aset / liabiliti perlu dijalankan sebelum 15 Januari 2016.





Mulai tahun 2015, UAD telah melaksanakan penarafan tahap bintang pengurusan kewangan di PTJ-PTJ lain yang tidak diliputi oleh Jabatan Audit Negara susulan daripada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Audit KPWKM Bil. 4/2014. Pengauditan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks

Akauntabiliti (Penarafan Bintang) ini bertujuan untuk menambahbaik dan meningkatkan lagi tahap pematuhan peraturan kewangan dalam semua elemen pengurusan kewangan.

Melalui pelaksanaan sistem penarafan ini, setiap pematuhan terhadap

peraturan kewangan bagi tujuh (7) aspek kawalan utama akan diberikan markah. Aspek tersebut adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Pengurusan Perolehan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Aset dan Stor serta Pengurusan Kenderaan Kerajaan.

Pemarkahan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Markah Keseluruhan	Tahap
90% - 100%	Cemerlang (Sangat Baik)
70% - 89%	Baik
50% - 69%	Memuaskan
49% dan Ke Bawah	Tidak Memuaskan

Daripada 12 Pengurusan Kewangan yang dijalankan dalam tahun 2015, penarafan tahap bintang pengurusan kewangan telah dijalankan di sepuluh

(10) Jabatan dan Institusi iaitu dua (2) Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN), dua (2) Jabatan Kebajikan Masyarakat Bahagian (JKMB) Sarawak

dan enam (6) Institusi JKM dan merupakan PTJ yang tidak dilaksanakan auditan berdasarkan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara.

Ringkasan Penarafan Terhadap Pengurusan Kewangan PTJ. Berdasarkan Penemuan Audit Bagi Tahun 2015

Penarafan UAD	Markah	Bilangan PTJ
Cemerlang	90 - 100	-
Baik	70 - 89	2
Memuaskan	50 - 69	7
Tidak Memuaskan	0 - 49	1
JUMLAH		10

Jawatankuasa Audit

Penubuhan


Jawatankuasa Audit (JKA) di Kementerian ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2.

Selaras dengan transformasi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mulai tahun 2014, Jawatankuasa Audit Khas diadakan bersama YB Menteri bagi membincangkan dan mengambil tindakan penambahbaikan terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam LKAN sebelum dibentangkan di Parlimen.

oleh Ketua Setiausaha (KSU) KPWKMM dengan ahli-ahli terdiri daripada Timbalan-timbalan KSU, Setiausaha-setiausaha Bahagian (SUB) daripada semua Bahagian dan Ketua-ketua Agensi di bawah KPWKMM. Ketua Unit Audit Dalam bertindak selaku Setiausaha JKA dan Unit Audit Dalam sebagai urusetia mesyuarat.


Keahlian Jawatankuasa Audit Dalam

Jawatankuasa Audit dipengerusikan



Objektif

- **Objektif penubuhan**
Jawatankuasa Audit adalah untuk membincangkan isu-isu yang dibangkitkan sama ada oleh Unit Audit Dalam atau Jabatan Audit Negara dan memastikan tindakan preventive dan corrective diambil oleh pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan berkaitan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.





Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit dikehendaki bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali dalam setahun. Pada tahun 2015, sebanyak empat (4) kali mesyuarat JKA telah diadakan bagi membincangkan isu-isu yang dibangkitkan oleh Unit Audit Dalam dan / atau Jabatan Audit Negara seperti mana objektif penubuhannya.

Mesyuarat JKA pada tahun 2015 adalah seperti di Jadual 4.

Jadual 4 - Mesyuarat JKA Yang Diadakan Bagi Tahun 2015


Bil. Mesyuarat	Tarikh
JKA KPWK M Bil. 1/2015	25 Mac 2015
JKA KPWK M Bil. 2/2015	2 Julai 2015
JKA KPWK M Bil. 3/2015	22 September 2015
JKA KPWK M Bil. 4/2015	11 Disember 2015

Status Isu-Isu Audit Yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat JKA Tahun 2015

TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)		
		Tiada Tindakan	Dalam Tindakan	Selesai
Pengauditan Pengurusan Kewangan Tahun 2014				
JKMN Kelantan	12	-	-	12
RKK Rembau	15	-	-	15
RSK Bedong	11	-	-	11
TSP Kota Kinabalu	20	-	-	20
Pengauditan Pengurusan Kewangan Tahun 2015				
RSK Cheng, Melaka	34	-	-	34
PPWN Selangor	14	-	-	14
RKK Sultan Abdul Aziz, Perak	18	-	-	18
RSK Taman Kemumin, Kelantan	35	-	-	35
STB Kota Kinabalu, Sabah	28	-	-	28
PPW WP Labuan	23	-	-	23
Pengauditan Prestasi Tahun 2014				
Pengurusan Geran Pelancaran Taska JKM	14	-	2	12
Kajian Terhadap Penambahbaikan dan Pelaksanaan SMOKU	4	-	-	4

Pengauditan Prestasi Tahun 2015				
Penyelenggaraan PLPP Bangi	5	-	-	5
Pengauditan Perolehan Tahun 2015				
Perolehan di ISM	5	-	-	5
Pengauditan Mengejut Tahun 2014				
PKMD Hilir Perak	4	-	-	4
PKMD Temerloh	7	-	-	7
PKMD Bera	7	-	-	7
STB Sungai besi	4	-	-	4
PKMD Kulai Jaya	8	-	-	8
PKMD Pontian	9	-	-	9
RBL Melaka	11	-	-	11
RSK Cheras	7	-	-	7
PLPP Bangi	2	-	-	2
RKK Tengku Budriah	4	-	-	4
Pengauditan Mengejut Tahun 2015				
PKMD Sepang	15	-	-	15
PKMD Jerantut	4	-	-	4
TSP Batu Gajah	14	-	-	14
Rumah Ehsan KKB	3	-	-	3
TSH KKB	8	-	-	8
TSH Ampuan Najihah	8	-	-	8
PKMJ Bachok	11	-	-	11
PKMJ Tumpat	8	-	-	8
PKMD Petaling	6	-	-	6
PKMD Ledang	10	-	-	10
PKMD Gombak	10	-	-	10
PKMD Muar	9	-	-	9

PKMD Seremban	8	-	-	8
PKMD Jasin	12	-	-	12
Pengauditan Susulan Tahun 2014				
Institut Sosial Malaysia	71	-	-	71
TSH Tampoi	55	-	-	55
Pengauditan Susulan Tahun 2015				
DBD Jerantut	23	-	-	23
JKMN Melaka	42	-	-	42
JKMN Perak	33	-	-	33
Perluasan PDK.Net	14	-	-	14
Bantuan Am Kebajikan JKM	5	-	-	5
RKK Kota Kinabalu, Sabah	33	-	-	33
Pengauditan Khas Tahun 2014				
Pengurusan Stor di Unit Delivery Management Office (DMO)	18	-	-	18
Pengauditan Khas Tahun 2015				
Akaun Amanah JKM	7	-	-	7





Unit Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat

VISI

Menjadi peneraju utama untuk mencapai kesaksamaan gender, pembangunan keluarga dan masyarakat penyayang dan sejahtera sebagai asas pembentukan sebuah negara maju yang terbilang.

MISI

Sebagai pusat rujukan utama dalam menyalurkan maklumat dan menterjemahkan hasrat Kementerian kepada golongan sasaran secara kreatif dan efektif.



Fungsi

- Merancang dan melaksanakan aktiviti komunikasi korporat yang strategik untuk Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
- Memberi khidmat nasihat dan perundingan komunikasi korporat untuk agensi-agensi di bawah KPWK
- Melaksanakan aktiviti pengukuhan media bagi menjalankan hubungan baik dengan media tempatan dan media luar negara.
- Mengurus liputan foto bagi acara-acara rasmi Kementerian dan;
- Menyedia dan mengeluarkan Nota kepada Pengarang, Kenyataan Media dan Siaran Media bagi program dan aktiviti Kementerian kepada media tempatan




Seksyen Hal Ehwal Korporat

Pengurusan Media




Penerbitan



Statistik Aduan Awam Tahun 2015

Agensi	Jumlah Aduan	Peratus
KPWKM	11	14%
JKM	233	80%
JPW	15	10%
LPPKN	15	10%
YKN	3	1%



Sumber penerimaan Aduan

Statistik Penyelesaian Aduan Tahun 2015

Bulan	Terima	Selesai dalam tempoh 15 hari	Selesai dalam tempoh 15 - 90 hari
JANUARI	20	17	3
FEBRUARI	20	16	4
MAC	32	24	8
APRIL	10	10	-
MEI	57	49	8
JUN	23	21	2
JULAI	20	16	4
OGOS	21	11	10
SEPTEMBER	19	18	1
OKTOBER	28	22	6
NOVEMBER	22	19	3
DISEMBER	19	16	3
JUMLAH	291	239	52

Statistik Maklumbalas Pelanggan 2015

Jumlah Pelanggan	Maklumbalas
963	Amat berpuas hati
29	Memuaskan
8	Tidak berpuas hati

Pameran Dan Program Suara Anda Tanggungjawab Utama (SATU)



Hasil Pameran

Hasil daripada pameran yang dianjurkan seramai **346** orang pengunjung mendapat perkhidmatan semakan bantuan kebajikan dan permohonan kad OKU. **70**

Manakala **25** orang mendaftar kad OKU melalui pameran yang dianjurkan.


Dalam pameran ini juga seramai **100** orang telah mendaftar sebagai sukarelawan jiwa Malaysia dan **230** orang mendaftar kursus keusahawanan untuk wanita.

Hampir **1000** orang mendapatkan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan percuma dari LPPKN dan Mamacare, urutan kepada para pengunjung wanita.



Promosi Dan Publisiti

Sepanjang tahun 2015, UKK dengan kerjasama jabatan dan bahagian di bawah KPWKMM telah berjaya menghasilkan Pelan Komunikasi Media bagi program-program utama Kementerian dan Agensi seperti yang berikut:



Sepanjang tahun 2015, KPWKM telah menghasilkan sebanyak

163

keluaran khas advertorial dan pengiklanan menerusi media cetak di akhbar utama negara bagi tujuan hebahan, promosi program/aktiviti Kementerian dan agensi di bawahnya, menyebarkan maklumat serta memberi pemahaman berkaitan dasar-dasar sedia ada dan baharu kepada rakyat.

Kursus Pemantapan Perhubungan Awam & Kembara Media

Bertujuan memberi pendedahan dan memantapkan skil pengurusan perhubungan awam dan pengendalian majlis di kalangan Pegawai Perhubungan Awam dan untuk menyemarakkan hubungan harmoni antara Kementerian dengan pihak media dan menghargai jasa pengamal-pengamal media yang telah bekerjasama dengan pihak Kementerian dalam menyebarkan maklumat kepada rakyat.

Seksyen Komunikasi Strategik

• Penstoran Gambar Program/ Aktiviti Kementerian

UKK telah melaksanakan penstoran (archiving) gambar-gambar untuk

65

program / aktiviti Kementerian sepanjang tahun

2015


• Mentadbir Akaun Media Sosial KPWKM

Facebook




BULAN	POST	LIKES	SHARE	CLICK/VIEW	REACHED
JAN	93	5,259	389	33,740	301,402
FEB	22	1,686	119	4,867	94,207
MAC	107	6,364	229	25,750	275,215
APR	107	7,199	2,168	40,235	636,860
MEI	60	3,051	122	4,586	141,031
JUN	69	4,763	362	12,481	195,996
JULY	36	1,351	152	3,326	92,256
OGOS	68	4,948	353	15,626	281,738
SEP	62	2,974	219	14,174	245,872
OKT	130	7,141	819	31,502	410,340
NOV	87	4,235	562	10,979	315,439
DIS	31	1,415	212	2,697	105,257

f Post




f Likes



Share f

Click / View f



Twitter

BULAN	TWEETS	TWEET IMPRESSIONS	PROFILE VISITS	NEW FOLLOWERS
JANUARI	258	79.8K	2,007	189
FEBRUARI	73	24.5K	782	227
MAC	318	71.9K	2,044	328
APRIL	255	86.7K	1,756	294
MEI	194	63.6K	752	198
JUN	133	50.6K	1,149	157
JULAI	69	34.1K	590	184
OGOS	183	64.2K	2,066	174
SEPTEMBER	66	26.5K	695	180
OKTOBER	245	59.4K	1,214	213
NOVEMBER	147	68.5K	1,009	253
DISEMBER	58	31.6K	681	191



Kepentingan Inklusif: Akses dan Pemerksaan OKU

AMBILAN Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan 2015, yang diadakan di Dewan Darul Aman, Kuala Lumpur mulai hari ini...

mentau pada tahun ini iaitu 'Kepentingan Inklusif: Akses dan Pemerksaan OKU'...



OKU adalah pedang bermata dua, kerana individu yang akan dipamerkan...

Menyentuh aspek aksesibiliti, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Hasmah Mohd Khatun berkata...

55 peratus pekerja wanita 2015

Malaysia beranda di landasan betul untuk mencapai sasaran itu mampu dicapai kerana Malaysia beranda di landasan betul...

Kasih sayang perlu dizahir sepanjang masa: Rohani

Kepercayaan kasih sayang itu berakar pada keyakinan bahawa Allah SWT berfirman kepada kita...

Tangani ancaman SIBER Ibu bapa dan anak perlu siapkan diri daripada menjadi mangsa keganasan

Sebagai ibu bapa, ramai yang beranggapan bahawa dunia maya adalah tempat yang selamat untuk anak-anak mereka...



Ancaman dunia siber

Kanak-kanak memerlukan persekitaran yang selamat dan kondusif untuk melindungi mereka daripada ancaman dunia siber...

Regional Conference on Child Online Protection (ROCOP) 2015. Info: ANCAMAN DUNIA SIBER MELIBATKAN PERLENGKAPAN DAN PERALATAN DALAM RUMAH RANGAI...

Batal lesen memandu cegah ulang kesalahan sama

Hukuman lebih berat pelumba haram

UNDANG-UNDANGAN ANAK
MEMERINTAHKAN TITIK HUKUMAN

• HUKUMAN BERTINGKAT

HUKUMAN yang lebih berat akan dikenakan kepada orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram. Undang-undang ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram. Undang-undang ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

Undang-undang ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

• HUKUMAN BERTINGKAT

HUKUMAN yang lebih berat akan dikenakan kepada orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram. Undang-undang ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

Undang-undang ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

• HUKUMAN BERTINGKAT

HUKUMAN yang lebih berat akan dikenakan kepada orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram. Undang-undang ini akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

'Ben ruang untuk kami bertentang'

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.



UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

Datuk K berhasrat dijadikan anak angkat

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

Polis nafi lewatkan siasatan

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

Child Act may be used to punish parents who let underage kids drive

UNDANG-UNDANGAN yang akan membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan undang-undang terhadap orang tua yang membolehkan anak mereka memandu kereta haram.

